

"DARIPADA Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidak akan berlaku kiamat sehingga waktu terasa begitu pantas, maka setahun dirasakan seperti sebulan, sebulan dirasakan seperti seminggu, seminggu seperti sehari, sehari dirasakan seperti satu jam dan satu jam dirasakan seperti satu sambaran api".
- Hadis Riwayat Imam Tirmizi.



SUMBER INSPIRASI SELURUH RAKYAT JELATA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan baginda berdua, yang dianjurkan oleh Pembesar-pembesar Negara, berlangsung di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 3 hingga 4).

MoU memperkuat kerjasama bagi program gaya hidup sihat

■ Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya

JERUDONG, Selasa, 19 Ogos. – Gleneagles JPMC bersama Kementerian Kesihatan sekali lagi memperbaharui komitmen dalam

memperkukuhkan kerjasama awam-swasta melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU), yang menandakan

tahun ketujuh berturut-turut pelaksanaan inisiatif gaya hidup sihat dengan jumlah sumbangan melebihi BND1.5 juta.

>> Muka 6

Teroka peluang, wujudkan laluhan kerjasama majukan AI

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Ogos. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato

Paduka Haji Mustapha selaku ketua delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini menghadiri ASEAN AI Malaysia Summit 2025, yang

diadakan pada 11 hingga 13 Ogos 2025 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur.

>> Muka 6



Berita Utama



PENYERAHAN bendera bagi kontinjen NBD ke WSASEAN 2025
Muka 8



PROGRAM Sekolah Berkembar beri pendedahan, pengalaman kepada pelajar, guru
Muka 9



PROGRAM Literasi Penerangan sampaikan maklumat rasmi, aktiviti kerajaan
Muka 19



BELIA peneraju seni muzik tradisional
Muka 21

Belia perlu menggalas tanggungjawab selaku pemimpin realisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-20, 2025 dengan tema : 'Belia Siaga Masa Depan' pada Sabtu, 22 Safar 1447 Hijrah / 16 Ogos 2025 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,

Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmat-Nya kerana dapat bersama-sama menghadiri Perhimpunan Hari Belia

Kebangsaan Kali Ke-20 pada pagi ini.

Generasi belia masa kini memiliki semangat dan potensi kepimpinan yang tinggi. Transformasi positif yang ditunjukkan oleh golongan belia memberi gambaran jelas bahawa mereka sanggup menggalas tanggungjawab yang berat selaku pemimpin. Perkara ini penting dalam merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Kerajaan beta sentiasa komited dalam memperkasa belia dan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mereka berkembang.

Bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 yang semakin mendekat, para belia turut memainkan peranan penting sebagai Pemacu Transformasi Ekonomi. Beta gembira melihat terdapatnya perubahan *mindset* di kalangan belia di mana belia sekarang sudah berani beralih dari pencari kerja kepada pencipta peluang pekerjaan, dengan meneroka bidang keusahawanan dan perniagaan.

Dalam bidang keusahawanan, beta sedia menyedari bahawa antara cabaran utama yang dihadapi ialah kesukaran mendapatkan pinjaman kewangan (*access to funding*) bagi memulakan perniagaan. Situasi ini lebih dirasakan oleh golongan belia yang tidak mempunyai rekod prestasi perniagaan dan sumber cagaran (*collateral*).

Maka ke arah ini, beta sukacita memaklumkan bahawa satu skim pembiayaan mikro patuh syarak telah diwujudkan, khusus bagi usahawan belia, hasil kolaborasi strategik di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Bank Usahawan Berhad. Skim ini dinamakan 'BizBelia' dan memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha belia tempatan untuk mendapatkan sumber kewangan daripada institusi kewangan tempatan. Inisiatif ini

diharapkan akan dapat merangsang pertumbuhan dan perkembangan perusahaan belia tempatan dan menjadi teladan kepada institusi-institusi kewangan lain ke arah memudah cara penglibatan lebih ramai para usahawan belia.

Beta menaruh harapan yang tinggi bagi inisiatif ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan belia di negara ini dalam sama-sama meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Beta turut menaruh keyakinan dengan adanya bimbingan serta dukungan yang padu dari pihak-pihak yang berkenaan, para usahawan belia kita akan mampu menyerlah bukan saja di peringkat kebangsaan malah peringkat antarabangsa.

Namun dalam masa yang sama, beta turut menzahirkan kebimbangan terhadap Eksploitasi Golongan Belia oleh sindiket-sindiket jenayah yang menawarkan ganjaran lumayan. Beta difahamkan adanya penglibatan beberapa belia tempatan dalam kegiatan penyeludupan dadah rentas sempadan yang didalangi oleh kumpulan pengedaran dadah antarabangsa. Beta juga amat prihatin akan perkembangan di negara jiran di mana terdapat sebilangan golongan belia yang menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan di luar negara.

Gejala ini bukan sahaja mengancam masa depan belia tetapi juga keselamatan dan keharmonian masyarakat. Usaha membanteras sindiket berkenaan wajar diperkukuh melalui pendekatan menyeluruh, meliputi pendidikan serta kesedaran, penguatkuasaan undang-undang dan sokongan para komuniti.

Para belia sendiri wajar diseru untuk memperkukuh jati diri melalui ilmu ugama serta nilai Melayu Islam Beraja demi mempertahankan masa depan yang cemerlang dan bermartabat.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	RABU	26	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.38	6.31	7.42
21	KHAMIS	27	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.37	6.31	7.42
22	JUMAAT	28	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.37	6.31	7.41
23	SABTU	29	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.36	6.30	7.41
24	AHAD	30	4.47	4.57	6.15	6.38	12.24	3.35	6.30	7.40
25	ISNIN	1 RABIULAWAL	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.34	6.30	7.40
26	SELASA	2	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
30 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
30 25 °C	32 23 °C	30 24 °C	
Pekan Tutong			
30 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
30 24 °C	32 25 °C	31 25 °C	

Wallahuwal Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

20 OGOS 2025

Belia : Sentiasa siap sedia, pelbagaikan kemahiran diri

GOLONGAN belia merupakan tonggak masa hadapan sesebuah negara dan golongan ini juga memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan serta kemakmuran jangka panjang sesebuah negara.

Sumbangan belia sebagai penggerak pembangunan ekonomi tidak boleh disangkal lagi kerana belia adalah tenaga kerja utama melalui kemahiran dan daya inovasi yang tinggi, belia juga mampu mendorong pertumbuhan ekonomi melalui penglibatan dalam keusahawanan, teknologi dan industri kreatif.

Peranan utama yang harus digarap oleh golongan belia adalah menguasai ilmu pengetahuan. Pendidikan merupakan kunci kejayaan terhadap sesuatu perkara. Pemerkasaan pembelajaran bagi golongan belia wajar dimaksimumkan sebaik mungkin supaya mereka didedahkan dengan pelbagai kemungkinan yang mampu menjadi pemangkin kejayaan diri atau negara pada masa akan datang.

Selain itu, belia juga mestilah memiliki etika atau personaliti yang luhur. Golongan belia kita harus disuntikkan ajaran agama dan nilai moral sejak kecil lagi kerana 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Lantaran itu, ibu bapa dan pihak sekolah memainkan peranan yang penting untuk mendidik belia remaja menjadi modal insan kelas pertama yang berakhlak mulia dan berjati diri unggul. Selain menitikberatkan ajaran agama dan pendidikan moral, belia harus dibimbing supaya melakukan kerja amal dan memberikan khidmat sosial, misalnya bergotong-royong, membantu anak-anak yatim dan mengutip derma untuk membantu mangsa bencana alam serta terlibat dalam pelbagai aktiviti sukarela.

Di samping menguasai ilmu secara teori, golongan belia juga seharusnya mempelbagaikan kemahiran diri dan sentiasa belajar untuk memperbaiki diri dari hari ke hari. Bak kata pepatah Melayu, 'Belakang parang pun kalau diasah nescaya tajam'.

Dalam dunia yang semakin kompetitif hari ini, semangat tidak berputus asa dan konsisten dalam mempelajari sesuatu yang baharu hendaklah diamalkan oleh golongan belia. Golongan belia hari ini perlu menyiapkan diri untuk menghadapi pelbagai cabaran dan ketidak tentuan pada masa hadapan.

Jika golongan belia tidak diasuh, dibimbing dan dididik dengan baik serta sempurna, tidak mustahil segala aspirasi negara hanya sekadar imaginasi semata-mata dan tidak dapat menjadi realiti. Oleh itu, belia-belie kita perlu terjaga daripada lena dan melengkapkan diri dengan ciri-ciri yang mulia supaya dapat menempatkan diri sebagai modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang untuk kebaikan diri sendiri dan juga untuk negara yang dicintai. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Sumber inspirasi seluruh rakyat jelata



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan baginda berdua yang dianjurkan oleh Pembesar-pembesar Negara (atas dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Isnin, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan baginda berdua,

yang dianjurkan oleh Pembesar-pembesar Negara, berlangsung di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Pollo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong. Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berlangsung pada 29 Julai 1965, yang mana tahun ini menandakan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesembah (atas), manakala gambar bawah, antara Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan Menteri yang hadir pada majlis yang berkenaan.



Jubli Intan Perkahwinan baginda berdua.

Juga berangkat ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja di Royal Berkshire Hall dijunjung oleh Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Majlis Kesyukuran, iaitu Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan memotong Kek Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Diraja.



KEBERANGKATAN Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan paduka-paduka anakanda baginda.

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus serta pasangan masing-masing.

>> Muka 4



SEMBAH alu-aluan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja berkenan berangkat menghadiri Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan baginda berdua.

>> Muka 3

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya dijunjung untuk menandatangani Lembaran Kenangan sebelum disembahkan dengan pesambah Kek Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Diraja, serta pesambah daripada Pembesar-pembesar Negara dan pesambah daripada Kumpulan Isteri Menteri - menteri Kabinet, Timbalan - timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Doa Kesyukuran dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, dan diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menyembahkan bahawa Majlis Kesyukuran ini adalah wadah untuk menzahirkan rasa syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmat-Nya mengurniakan Kebawah DYMM dan Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kehidupan berumah tangga yang penuh sakinah (ketenangan), mawaddah (kasih sayang) dan *rahmah* (rahmat).

"Abis-abis Hamba Kebawah Duli Tuan Patik berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan kurnia dan melipatgandakan rahmat dan nikmat-Nya kepada Kebawah-kebahawah Duli Tuan Patik yang berupa kesihatan tubuh badan, kesejahteraan, dilanjutkan usia, sentiasa dalam inayah dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan istiqamah, taufik dan hidayah, kekal karar memerintah di atas Takhta Singgahsana Kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam (NBD) dan dikurniakan kehidupan yang bahagia di dunia dan di akhirat," sembah Yang Berhormat.

Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ini sembah Yang Berhormat, bukan sahaja menjadi ristaan sejarah NBD bahkan ia juga menjadi sumber

inspirasi kepada seluruh rakyat jelata iaitu sebagai contoh teladan ikutan yang baik dalam kehidupan harmoni berkeluarga.

Majlis diserikan lagi dengan sesi Ceramah Khas bertajuk 'Jubli Intan Perkahwinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri: Satu Kurnia Nikmat Allah Subhanahu Wata'ala' oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, di mana antara inti patinya adalah Jubli Intan Perkahwinan Diraja wajib disyukuri berdasarkan Al-Quran dan al-Hadis kerana ianya berlaku adalah imbalan dari iman dan kebajikan baginda berdua yang gemar menghulurkan tangan bersedekah kepada rakyat yang memerlukan.

Majlis Santap juga diiringi dengan persembahan nasyid daripada penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan tayangan sorotan khas mengenai Ulang Tahun Jubli Intan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah.

Perkahwinan Diraja.

Pada penghujung Majlis Kesyukuran, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada para Pembesar

Negara yang hadir, yang turut memberikan peluang untuk merakamkan ucapan tahniah Kehadapan Majlis baginda berdua sempena memperingati peristiwa penting ini.

Antara Pembesar-pembesar Negara yang berangkat dan hadir bagi meraikan majlis ini ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ketua Hakim Syarie; Ketua Hakim Mahkamah Besar; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan - timbalan Menteri; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam; Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah; Hakim-hakim Mahkamah Tinggi; Setiausaha-setiausaha Tetap daripada JPM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta pegawai-pegawai daerah.



JUGA berangkat cucunda-cucunda baginda (atas kiri dan atas).



PERSEMBAHAN nasyid daripada penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri sekali), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan. Sementara gambar kanan, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



YANG DI-PERTUA MMN HADIRI SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEMERDEKAAN REPUBLIK INDONESIA

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Ahad, 17 Ogos. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, telah menghadiri Upacara Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-80 di Istana Merdeka, Jakarta, Republik Indonesia.

Yang Di-Pertua MMN adalah atas undangan Ketua Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia, Yang Berhormat Dr. (H.C.) Puan Maharani sebagai program dalam rangka lawatan sempena menghadiri Sidang Bersama (Joint Annual Session) di antara Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) dan Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia (DPD RI).

YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menghadiri Upacara Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-80 di Istana Merdeka, Jakarta, Republik Indonesia.

Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir.



Bersyukur dengan nikmat kurnia Allah

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

JERUDONG, Isnin, 18 Ogos. - Jubli Intan Perkahwinan adalah perkara baik, berupa nikmat kurnia Allah dan selaku nikmat, maka adalah wajar bagi kita untuk menyambut dan merayakannya sebagai tanda kita bersyukur dengan nikmat tersebut.

"Bagaimana ia dianggap nikmat? Ya, memang ia nikmat. Lanjut usia adalah nikmat. Berkekalan jodoh adalah nikmat. 60 tahun rumahtangga terus kukuh adalah nikmat. Siapa yang pengurnia nikmat itu? Allah! Tidak lain dari Allah. Dan Allah juga menyuruh kita untuk mensyukuri nikmat-Nya itu.

"Firman-Nya dalam Surah an-Nahl ayat 114 (tafsirnya) : *"Dan syukurilah oleh kamu nikmat Allah, jika benar kamu menyembah-Nya semata-mata"*. Dan firman-Nya lagi dalam Surah Ibrahim ayat 7 (tafsirnya) : *"Demi sesungguhnya, jika kamu bersyukur (terhadap nikmat-Ku), nescaya Aku akan tambah lagi nikmat-Ku itu kepada kamu,"* demikian tegas Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa

menyampaikan Ceramah Khas pada Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemanca Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, bertempat di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, di sini.

Yang Berhormat berkata, sekarang kita sedang bersyukur atas nikmat Allah mengurniakan usia lanjut kepada kedua-dua raja kita, yang sekali gus menjadi tanda jelas, bahawa Allah *subhanahu wa Ta'ala* mengasihi kedua-dua baginda.

Di sini tambah Yang Berhormat, kita menyurut sedikit sejarah raja kita bahawa baginda berdua sejak awal-awal lagi telah menjadi

Muslim/Muslimah yang sempurna dengan semua Rukun Islam dilaksanakan dan banyak amal-amal kebajikan menjadi pakaian mereka.

"Ibadat kepada Allah tidak diabaikan, ibadat sembahyang, ibadat puasa, ibadat haji, ibadat zakat dan membaca Al-Quran tetap ditunaikan.

"Ini menjadi penghubung rapat di antara mereka dengan Allah, ditambah lagi dengan banyak amal kebajikan di luar ibadat fardu juga mereka lakukan, antaranya kebajikan yang sukar ditandingi ialah menyayangi rakyat melalui kerajaan baginda dengan pelbagai kurnia seperti kurnia bantuan-bantuan, kurnia subsidi-subsidi dan seumpamanya, tidak terkecuali kurnia-kurnia peribadi kepada rakyat yang memerlukan, dan jangan kita lupa wadah amal jariah yang sangat bererti yang telah lama wujud iaitu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang entah berapa banyak telah mengeluarkan bantuan-bantuan kebajikan kepada masyarakat," tambah Yang Berhormat Mufti Kerajaan pada Ceramah Khas bertajuk 'Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri : Satu Kurnia Nikmat Allah Subhanahu Wata'ala'.

Dalam sebuah Hadits Qudsi, kata Yang Berhormat, Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda, maksudnya : *"Apabila Allah mengasihi atau mencintai seorang hamba, maka Allah akan memanggil Malaikat Jibril 'alahissalam dan berfirman : Wahai Jibril, Aku mengasihi si Polan, maka engkau pun hendaklah juga mengasihinya. Lalu Jibril pun mengasihi orang berkenaan. Kemudian diseru ke langit untuk mengarahkan semua malaikat mesti turut mengasihi sama, maka seluruh ahli langit pun turut mengasihi"*.

Makna Allah mengasihi atau mencintai hamba-Nya kata Yang Berhormat ialah bahawa Allah reda kepada si hamba itu.

Reda Allah tegas Yang Berhormat, adalah segala-galanya. Semua makhluk mengimpikan reda Allah. Para rasul dan Nabi mengharapkan reda Allah. Para malaikat

mengharapkan reda Allah. Para shalihin dan ulama serta lain-lain mengharapkan reda Allah, kerana reda Allah itu adalah jalan atau pintu ke syurga. Tanpa reda Allah, tiadalah berbangkit jalan atau pintu ke syurga.

"Kemudian, mengapa pula Allah memerintahkan para malaikat untuk sama-sama mengasihi hamba yang dikasihi-Nya? Kerana, Allah mahu supaya para malaikat juga hendaklah melakukan sesuatu yang baik ke atas hamba yang dikasihi itu.

"Apakah bendanya yang dimahukan oleh Allah itu? Allah mahu supaya para malaikat mendoakan orang-orang yang dikasihi-Nya dengan doa-doa kebaikan. Apabila Allah kasih, Dia mengurniakan nikmat. Manakala malaikat kasih, dia mendoakan siapa yang dikasihi itu," terang Yang Berhormat.

Menjawab persoalan tentang mengapa Allah mengasihi hamba-Nya, Yang Berhormat menjelaskan, kerana hamba itu beriman dan suka membuat kerja-kerja kebajikan, sebagaimana Imam at-Tirmidzi telah menerangkan perkara ini.

"Kita telah menyebut serba sedikit sejarah raja mengenai dengan perkara iman dan kebajikan. Kita mendapati bahawa kedua-dua baginda memang ahli iman dan ahli kebajikan. Lalu kerana itu, kedua-dua baginda memang berhak untuk dikasihi oleh Allah dan sekali gus didoakan oleh para malaikat," tegas Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Menurut Yang Berhormat lagi, salah satu tanda atau bukti Allah mengasihi kedua baginda ialah terjadinya Jubli Intan Perkahwinan di mana 60 tahun rumah tangga bertahan adalah ia benar-benar nikmat kurnia Allah dan berkat bagi siapa yang *ampunya* diri.

"Adalah belum lengkap kalau kita belum menyebut contoh kebajikan itu. Di antara banyak-banyak kebajikan, kebajikan yang paling mulia lagi disukai Allah, ialah kebajikan mengeluarkan sedekah. Di sini, Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda maksudnya : *"Orang bersedekah akan didoakan oleh malaikat"*. Bunyi doa malaikat itu: *"Ya Tuhanku, berilah kepada orang yang bersedekah ini, gantian yang lebih baik dari apa yang disedekahkannya"*. Lalu berdasarkan doa malaikat itu, berlakulah sebagaimana



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menyampaikan Ceramah Khas.

maksud Hadis : Sedekah tidak mengurangkan harta tetapi sebaliknya menambahkan harta," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa Allah *subhanahu wa Ta'ala* Maha Mengetahui segala-galanya, termasuk mengetahui bahawa raja kita adalah penggemar sedekah, sama ada sedekah itu melalui kerajaan baginda yang tidak asing lagi, berupa pelbagai bentuk bantuan seperti kurnia-kurnia termasuk subsidi-subsidi dan sebagainya.

Kemudian sedekah itu, ujar Yang Berhormat diluaskan lagi skopnya berupa sedekah-sedekah atau kurnia-kurnia peribadi baginda-baginda berdua seperti contohnya sedekah atau kurnia yang sangat bermakna melalui YSHHB dan sedekah yang diberi jolokkan nama sebagai 'kurnia peribadi' yang dikurniakan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri, yang diterima oleh ribuan rakyat yang memerlukan di seluruh negara.

Dengan ini, ujar Yang Berhormat, tidaklah diragukan lagi, bahawa Allah memang menyukai dan meredai baginda-baginda berdua serta para malaikat pula mendoakan mereka.

"Doa malaikat bukan calang-calang doa. Doa malaikat amatlah tajam. Kerana mereka makhluk yang suci yang tidak pernah melakukan sebarang dosa, kerana itu doa mereka sentiasa terangkat, tidak pernah ditolak oleh Allah.

"Maka bagi siapa yang mendapat doa malaikat, maka tidak diragukan lagi, adalah orang itu orang paling beruntung lagi berbahagia," jelas Yang Berhormat.

TAHUKAH AWDA?

FAEDAH DARI LAMPU SOLAR

MENJIMATKAN WANG AWDA!

ia adalah pelaburan kos rendah dan boleh mengurangkan bil elektrik awda.

TIDAK MEMERLUKAN ELEKTRIK

Lampu solar tidak bergantung kepada grid kerana ia dilengkapi dengan baterinya sendiri. Oleh itu, ia tetap akan menyala walaupun berlaku gangguan bekalan elektrik!

MESRA PENGGUNA

Lampu solar mudah dipasang, tidak memerlukan pendawaian elektrik, dan boleh dipindahkan pada bila-bila masa!

www.energy.gov.bn | renewable.energy@energy.gov.bn | + 673 2384488 ext 3271

MOU MEMPERKUKUH KERJASAMA BAGI PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT



>> Muka 1

Majlis Penandatanganan MoU yang berlangsung di Tarindak d'Polo, Jerudong, dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif, manakala Gleneagles JPMC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Peter Tay.

Turut menyaksikan MoU tersebut, Ketua Eksekutif Pusat Promosi Kesihatan, Awang Mohammad Firdey Hazarullah bin Haji Md. Zain dan Ketua Pegawai Operasi Gleneagles JPMC, Awang 'Izzul Hamzi bin Haji Jomari.

Pada majlis berkenaan, Dr. Peter Tay menyerahkan replika cek berjumlah BND250,000 bagi pihak Gleneagles JPMC kepada Kementerian Kesihatan untuk membiayai pelaksanaan program berkenaan, menjadikan keseluruhan sumbangan sejak tujuh tahun lalu melebihi BND1.5 juta.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Peter Tay menegaskan komitmen hospital berkenaan untuk terus mendukung program gaya hidup sihat sebagai sebahagian Tanggungjawab Sosial Korporatnya.

Beliau turut menekankan kepentingan pencegahan awal memandangkan penyakit tidak berjangkit kekal sebagai penyumbang utama kematian di negara ini, selain kadar obesiti yang membimbangkan dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak.

"Hampir 85 peratus kematian di negara ini berpunca daripada penyakit tidak berjangkit, manakala hampir 30 peratus murid sekolah mengalami masalah berat badan



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Tarindak d'Polo, Jerudong, dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang juga hadir selaku tetamu kehormat (atas), manakala gambar kiri, Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay semasa berucap pada majlis berkenaan.

berlebihan dan 20 peratus daripadanya obes. Justeru, usaha bersama dalam mendidik masyarakat sejak peringkat awal amat penting bagi melahirkan generasi lebih sihat pada masa hadapan," ujarnya lagi.

Antara program yang terus dilaksanakan ialah Workplace and Health (WAH), Happy Environment and Lifestyle (HEAL) dan Growing, Learning, Optimizing Towards Better Well-Being in Schools (GLOW), di samping inisiatif lain seperti Program Pengurangan Garam Kebangsaan.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Sejak diperkenalkan pada tahun 2019, Program WAH telah melibatkan lebih 25,000 kakitangan awam melalui pemeriksaan kesihatan dan aktiviti senaman, manakala Program HEAL yang bermula pada tahun 2022 telah disertai hampir 4,000 orang peserta komuniti melalui pelbagai acara kesihatan.

Sementara itu, Program GLOW kini dilaksanakan lebih 18 buah sekolah kerajaan dan swasta,

sebagai langkah mengarus perdanakan model Health Promoting School.

Majlis turut diserikan dengan pameran oleh organisasi rakan kerjasama yang menampilkan pencapaian dan perkembangan program yang telah dijalankan, di samping memberi peluang kepada para jemputan untuk mengetahui lebih lanjut tentang usaha-usaha ke arah menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Teroka peluang, wujudkan laluan kerjasama majukan AI

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku ketua delegasi Negara Brunei Darussalam menghadiri ASEAN AI Malaysia Summit 2025, yang diadakan pada 11 hingga 13 Ogos 2025 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur (atas dan kanan).

>> Muka 1

Dengan tema 'Memacu Pembangunan AI Mampan dan Inklusif di ASEAN (Driving Sustainable and Inclusive AI Development in ASEAN)', Sidang Kemuncak itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Acara itu menghimpunkan pemimpin kerajaan, pakar industri,

penyelidik dan inovator dari seluruh ASEAN dan seterusnya untuk meneroka peluang, menangani cabaran dan mewujudkan laluan kerjasama untuk memajukan Kecerdasan Buatan (AI) dalam menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan, keterangkuman sosial dan daya tahan teknologi.

Semasa Sidang Kemuncak itu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi



telah mengambil bahagian dalam Perbincangan Panel Menteri mengenai 'Daripada Dasar kepada Amalan: Bekerjasama untuk Ekosistem AI yang Selamat dan Ditadbir di ASEAN', yang memberi tumpuan kepada penyelarasan dasar, memastikan tadbir urus AI yang bertanggungjawab, dan memupuk kerjasama serantau.

Perbincangan menekankan kepentingan membangunkan piawaian seluruh ASEAN, mengimbangi keutamaan negara dengan penyelarasan serantau, dan mengenal pasti titik persamaan untuk memajukan objektif bersama.

Yang Berhormat juga mengambil bahagian dalam 'Meja Bulat Menteri' bertajuk 'Ke Arah Pendekatan ASEAN Bersatu untuk AI Bertanggungjawab dan Amanah Digital', dipengerusikan oleh Menteri Digital, Malaysia, Yang Berhormat Gobind Singh Deo.

Dialog itu mencerminkan

penumpuan yang jelas pada pendekatan kemanusiaan, peka risiko terhadap AI yang melindungi inovasi, membina kepercayaan awam dan membolehkan aliran data merentas sempadan. Instrumen utama ASEAN, termasuk Panduan ASEAN mengenai Tadbir Urus dan Etika AI, Pelan Hala Tuju AI yang Bertanggungjawab, dan usaha berterusan ke arah Rangkaian Keselamatan AI ASEAN telah diketengahkan sebagai penting untuk memupuk kesepaduan serantau.

Ini sejajar rapat dengan keutamaan NBD sendiri dalam memastikan pembangunan AI yang selamat dan beretika.

Di luar Sidang Kemuncak, Yang Berhormat mengadakan perjumpaan dua hala dengan Menteri Pos dan Telekomunikasi Kemboja, Tuan Yang Terutama Chea Vandeth, di mana perbincangan meliputi bidang kerjasama yang berpotensi dalam

transformasi digital dan keselamatan siber.

Yang Berhormat juga mengadakan perjumpaan bersama Ahli Lembaga Pengarah Rakan Kongsi 500 Global, Mr. Khailee Ng, untuk meneroka peluang kerjasama dalam inovasi teknologi dan pelaburan.

Tema utama Sidang Kemuncak itu mengesahkan komitmen NBD terhadap pembangunan AI beretika melalui Pelan Transformasi Brunei Digital (DBTP), yang diketuai oleh Majlis Digital Brunei.

DBTP berfungsi sebagai rangka kerja panduan bagi perjalanan transformasi digital negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Mengiringi Yang Berhormat ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof bersama pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Belia juga wajar diseru supaya sedia bekerjasama dengan semua golongan masyarakat termasuk warga emas demi sama-sama mencorakkan masa depan negara yang harmoni.

Akhirnya, bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan ini, beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka untuk sama-sama membangun dan memajukan negara.

Beta amat menghargai segala usaha dan sumbangan golongan belia dalam pelbagai bidang. Sesungguhnya, belia adalah tonggak harapan bagi masa depan yang gemilang.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

LANGKAH PENCAPAIAN MENUJU KELESTARIAN

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Ogos. - Bank Baiduri (Baiduri) mengumumkan peranannya sebagai pembiaya tunggal loji kuasa *photovoltaic* solar berskala besar yang pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD), menandakan satu langkah penting dalam perjalanan kemampanan bank dan peralihan tenaga negara.

Ini menandakan pembiayaan pertama seumpamanya untuk Baiduri, menonjolkan komitmennya untuk menyelaraskan amalan perniagaan dengan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei (BNCCP), Sumbangan Ditentukan Negara (Nationally Determined Contribution - NDC), dan Wawasan Brunei 2035.

Ketika NBD memajukan peralihan tenaga dan cita-cita berdaya tahan iklim rendah karbon, Baiduri mengambil peranan proaktif melalui pembiayaan yang bertanggungjawab.

Sehubungan itu, Majlis Menandatangani Perjanjian Kemudahan antara Baiduri dan Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd. berlangsung di Ruang Komuniti Baiduri, di Ibu Pejabat Baiduri.

Baiduri juga telah menyerahkan plak peringatan kewangan kepada wakil-wakil rakan projek iaitu Khazanah Satu Sdn. Bhd., Serikandi Oilfield Services Sdn. Bhd., dan Atlantic Blue Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Solarvest Holdings Berhad.

Majlis tersebut dihadiri oleh Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku tetamu kehormat majlis. Juga hadir, pegawai-pegawai kanan kerajaan, jawatankuasa pengurusan Baiduri, dan pihak berkepentingan lain yang

terlibat dalam projek itu.

Kemudahan 30 megawatt (MW) di Kampung Belimbing sedang dibangunkan di bawah model Perkongsian Awam Swasta (PPP) oleh Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd. - usaha sama antara Serikandi Oilfield Services Sdn. Bhd., Khazanah Satu Sdn. Bhd. dan Atlantic Blue Sdn. Bhd.

Loji berkenaan akan dibina di tapak pelupusan sampah seluas 32.29 hektar dan dijangka menjana lebih 64,000MW/jam elektrik setiap tahun, menjana kuasa kepada lebih 15,500 rumah dan mengimbangi anggaran 41,000 tan pelepasan CO2 setiap tahun.

Baru-baru ini, projek tersebut mula berkembang dan dijadualkan beroperasi pada penghujung tahun 2026.

Ketua Pegawai Eksekutif, Baiduri, Ti Eng Hui dalam ucapan alu-aluannya, menyatakan, ini adalah detik yang membanggakan bagi Baiduri - bukan sahaja kerana mereka adalah satu-satunya pembiaya projek mercu tanda ini, tetapi kerana ia mewakili satu langkah ke hadapan yang bermakna dalam perjalanan projek kemampanan kami.

Menurutnya, mereka melihat ini sebagai permulaan kepada lebih banyak peluang untuk menyokong projek yang menyumbang kepada matlamat jangka panjang negara untuk mewujudkan ekonomi yang dinamik dan mampan.

"Plak peringatan kewangan yang dibentangkan hari ini melambangkan lebih daripada penutupan perjanjian - ia mencerminkan cita-cita bersama, kepercayaan bersama dan komitmen terhadap kerjasama jangka panjang antara rakan kongsi sektor awam dan swasta," tambahnya.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kemudahan berkenaan.

Baiduri dengan bangganya memainkan peranan utama dalam menyokong pencapaian negara ini.

Projek itu secara langsung menyumbang kepada matlamat NBD untuk meningkatkan bahagian tenaga boleh diperbaharui kepada sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah kapasiti penjanaan kuasa menjelang 2035, seperti yang digariskan dalam Strategi 4 BNCCP dan menyokong sasaran NDC yang lebih luas untuk mencapai pelepasan sifar bersih sebanyak 2050.

Ia merupakan satu langkah ke hadapan yang ketara dalam memajukan peralihan NBD ke arah masa depan yang lebih mampan dan rendah karbon.

Projek ini juga mencerminkan strategi Baiduri yang lebih luas untuk menyokong pembangunan mampan melalui perkongsian yang berpandangan ke hadapan dan pembiayaan bertanggungjawab yang sejajar dengan keutamaan negara.

Sepanjang dekad yang lalu, Baiduri telah secara beransur-ansur mengurangkan jejak alam sekitarnya - daripada memayakan 95 peratus beban kerja teknologi maklumat dan melaksanakan pusat data cekap tenaga, kepada menggalakkan perbankan tanpa kertas dan memperkenalkan kad biodegradasi dan stesen pengecasan EV.

Inisiatif ini kini dipandu oleh Baiduri Greenprint, rangka kerja kemampanan berstruktur Baiduri

yang dibina di atas tiga tonggak utama : Manusia, Proses dan Planet.

Memandang ke hadapan, Baiduri sedang mempertimbangkan cara untuk mengembangkan tawaran pembiayaan hijau untuk menyokong penggunaan penyelesaian praktikal dan cekap tenaga seperti kenderaan elektrik, panel solar, dan teknologi rumah mampan untuk individu, isi rumah dan perniagaan yang ingin mengurangkan kesan alam sekitar mereka.

Usaha-usaha ini mencerminkan hasrat Baiduri dan fokus berterusan untuk menyumbang kepada masa depan rendah karbon melalui pembiayaan yang bertanggungjawab.

Memeduli, meningkatkan kesejahteraan para muallaf



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Bantuan Berupa Enjin Penjana Elektrik yang diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.

TUTONG, Selasa, 19 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong terus menunjukkan keprihatinan dan komitmen dalam membantu para muallaf yang memerlukan sokongan bagi menjalani kehidupan seharian agar lebih baik

dan selesa.

Sehubungan itu, satu Majlis Penyerahan Bantuan Berupa Enjin Penjana Elektrik diadakan petang tadi bertempat di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.

Bantuan tersebut disampaikan kepada tiga muallaf, iaitu Awang Mohammad Sahaidi bin Abdullah@Loo Pong/Lim Tong; Awang Mohd. Asrah bin Mohd. Haslin@Asrah anak Nawing dan

Awang Muhammad Thaliah bin Abdullah Geruntang@Thalih bin Geruntang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan peralatan tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji

Abdussalam bin Haji Abd. Rahman selaku Pengerusi Majlis; Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa; Ketua Kampung Tanjong Maya; Pemangku Ketua Kampung Rambai dan Pemangku Ketua Kampung Long Mayan, Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan, diikuti

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdussalam bin Haji Abd. Rahman semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis.

Seterusnya, penyerahan bantuan enjin penjana elektrik telah disempurnakan kepada ketiga-tiga penerima. Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dan seterusnya demonstrasi cara pengendalian enjin penjana elektrik kepada para penerima serta sesi bergambar ramai.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu inisiatif PDI dalam usaha berterusan untuk memeduli dan meningkatkan kesejahteraan para muallaf di Negara Brunei Darussalam.

PENYERAHAN BENDERA BAGI KONTINJEN NBD KE WSASEAN 2025



UCAPAN alu-aluan Pengarah Pendidikan Teknikal / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

setaraf dengan yang terbaik di rantau ini.

Tahun ini ujarnya, kontinjen negara akan bertanding dalam 13 bidang kemahiran, dan di sebalik setiap bidang itu, ada cerita latihan yang panjang, pengorbanan masa, titik peluh, dan tekad yang tidak mengenal penat.

Bendera yang akan diserahkan pada majlis pagi ini tegasnya, bukan sekadar kain, ia adalah lambang maruah, perpaduan, dan harga diri negara.

"Kepada para peserta, saya ucapkan tahniah. Bawalah bendera ini dengan penuh bangga dan amanah. Bertandamlah dengan hati yang berani, fikiran yang tajam, dan semangat yang tidak pernah luntur.

"Ingatlah - setiap langkah kalian di Manila adalah langkah Brunei. Setiap usaha, setiap titik peluh, adalah untuk mengharumkan nama negara. Pulanglah bukan hanya dengan pingat tetapi dengan pengalaman yang mengubah hidup dan kisah kejayaan yang menjadi inspirasi generasi akan datang," ujarnya lagi.

Majlis kemudian diikuti dengan penyerahan bendera negara kepada Ketua Pasukan Brunei oleh tetamu kehormat.

WSASEAN 2025 merupakan acara kecemerlangan kemahiran pendidikan vokasional terbesar di rantau ASEAN, yang menampilkan piawai industri global serta mempromosikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir pada Majlis Penyerahan Bendera bagi Kontinjen Brunei Darussalam yang akan menyertai Pertandingan WorldSkills ASEAN 2025 (WSASEAN 2025).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan

(TVET) ke peringkat antarabangsa.

Pertandingan ini bertujuan memberi inspirasi kepada belia untuk sentiasa meningkatkan kemahiran, menyesuaikan diri dengan teknologi semasa, serta menyumbang kepada daya saing negara dalam menghadapi Revolusi Industri Keempat.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam akan diwakili oleh peserta daripada IBTE dan Politeknik Brunei yang akan bertanding dalam 13 bidang kemahiran, iaitu: Keselamatan Siber (Cybersecurity), Pemasangan Rangkaian Maklumat (Information Network Cabling),

Penyelesaian Perisian IT untuk Perniagaan (IT Software Solutions for Business), Elektronik, Integrasi Sistem CoBot (CoBot System Integration), Penyejukan dan Penyamanan Udara (Refrigeration and Air-Conditioning), Masakan, Khidmat Restoran, Bakeri, Teknologi Rekabentuk Grafik, Pentadbiran Sistem Rangkaian IT (IT Network System Administration), Teknologi Web (Web Technologies), dan Reka Bentuk Kejuruteraan Mekanikal CAD (Mechanical Engineering CAD).

Penyertaan Brunei ini sejajar dengan tiga objektif utama negara iaitu mempromosikan

Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan menggalakkan individu untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan.

Di samping itu juga ia mengukuhkan kerjasama antarabangsa dengan membina jalinan perkongsian melalui pertukaran amalan terbaik serta pendekatan latihan inovatif; dan menonjolkan kecemerlangan TVET dengan mengetengahkan nilai kemahiran teknikal dalam mendorong kejayaan kerjaya.

Melalui pertandingan ini, kontinjen Brunei berhasrat untuk berkongsi kepakaran, mempamerkan pencapaian cemerlang, serta melibatkan diri dalam projek kolaboratif bersama Negara-negara ASEAN lain bagi memajukan pembangunan kemahiran di seluruh rantau ini.

Bina perkongsian, tingkatkan peluang usahawan Brunei dalam ekosistem ASEAN



PERSATUAN Usahawan Muda Brunei (YEAB) diwakili oleh Presiden, Goh Chai Li menghadiri Dialog Usahawan Muda ASEAN dan seterusnya bergambar ramai pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman berkenaan (atas kanan dan atas).

KUALA LUMPUR, Isnin, 18 Ogos. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB), diwakili oleh Presiden, Goh Chai Li dan Penolong Setiausaha, Nuur Batrisyia menyertai lebih 1,000 peserta di Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM) bagi program dua hari baru-baru ini berlangsung di Bangsar Selatan, Kuala Lumpur.

Kemuncak program itu ialah Dialog Usahawan Muda ASEAN,

yang menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) penting antara Dewan Perniagaan Cina dan Persatuan Usahawan Muda di seluruh ASEAN bersama rakan sejawat dari China dan Jepun.

Dengan 20 penandatanganan, MoU itu mewakili satu langkah besar ke hadapan dalam mengukuhkan kerjasama keusahawanan di seluruh rantau dan seterusnya.

Penandatanganan itu disaksikan

oleh Menteri Sumber Manusia Malaysia, Yang Berhormat Steven Sim Chee Keong, dan Presiden ACCCIM, Datuk Ng Yih Pyng.

Penyertaan YEAB menggariskan komitmennya untuk membina perkongsian serantau yang meluaskan peluang untuk usahawan Brunei dalam ekosistem perniagaan ASEAN.

Selain itu, wakil YEAB telah menghadiri Persidangan Usahawan Muda Ke-4 2025, yang menampilkan ucap-tama oleh



Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia, Yang Berhormat Liew Chin Tong, serta panel dengan peneraju industri terkemuka termasuk Dato' Calvin Chan (Oriental Kopi), Datin Shin Yap (Kumpulan YYC), dan Encik Yeoh Chen Chow (1% Advisory & Coaching).

YEAB turut menghadiri Majlis Anugerah Model Super Usahawan Muda ACCCIM (ACCCIM Young Entrepreneurs Super Model Awards), bagi meraikan

kecemerlangan keusahawanan di Malaysia.

YEAB juga berbesar hati untuk berkongsi bahawa akan turut menghadiri ASEAN Young yang akan datang, Karnival Usahawan yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada Oktober 2025 ini.

Untuk kemas kini maklumat terkini tentang aktiviti YEAB dan penglibatan serantau, boleh mengikuti di Instagram di @yeabrunei atau hubungi menerusi talian +673 832 1288.

PROGRAM SEKOLAH BERKEMBAR BERI PENDEDAHAN, PENGALAMAN KEPADA PELAJAR, GURU



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metusin bin Haji Jais hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada delegasi.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Isnin, 18 Ogos. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Sekolah-Sekolah hari ini telah menyelaras lawatan delegasi Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin, Kuala Belait yang terdiri daripada 12 orang pelajar Tahun 5 serta tiga orang guru sekolah berkenaan ke Chongzheng Primary School, Republik Singapura.

Lawatan selama lima hari bermula pada 18 hingga 22 Ogos 2025 itu merupakan sebahagian daripada Program Sekolah Berkembar NBD dan Republik Singapura.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada delegasi ialah Pemangku Pengarah Sekolah - Sekolah, Jabatan Sekolah - Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metusin bin Haji Jais.

Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala antara sekolah-sekolah dari kedua-dua negara melalui perkongsian amalan terbaik dalam bidang akademik, pedagogi serta

pembangunan pelajar secara menyeluruh.

Antara aktiviti yang telah dirancang termasuk sesi pembelajaran bilik darjah bersama, program pengalaman sekolah, inisiatif kepimpinan pelajar, lawatan pendidikan ke tapak bersejarah sekitar Singapura, serta pengalaman budaya tempatan.

Lawatan ini dijangka dapat memberi pendedahan yang bermakna kepada para pelajar mengenai sistem pendidikan antarabangsa dan memperkukuh semangat persahabatan, perpaduan serta nilai sejagat merentasi sempadan negara.

Delegasi juga berpeluang mengetengahkan kebudayaan Brunei Darussalam melalui persembahan dan interaksi bersama pelajar-pelajar di Singapura.

Turut hadir di lapangan terbang ialah pegawai - pegawai Kementerian Pendidikan dari Jabatan Sekolah-Sekolah, wakil pentadbiran Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin serta ibu bapa dan ahli keluarga para pelajar.

Memperkasa wanita dalam kepimpinan, pembangunan diri

■ Oleh : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan
Foto : Ihsan Generasi Bekarih Kem Kepimpinan LeadHer

KUALA BELAIT, Isnin, 18 Ogos. - Seramai 27 orang peserta Kem Kepimpinan LeadHer yang terdiri daripada belia berumur 14 hingga 19 tahun telah diraikan pada majlis penutup yang berlangsung petang tadi bertempat di Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Cawangan Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Tutong, Dayang Amhra Farahiyah binti Haji Mohd. Hamdilah yang juga berkesudian menyempurnakan majlis penyampaian sijil kepada para peserta.

Kem Kepimpinan LeadHer yang dianjurkan bersama oleh Generasi Bekarih dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait tersebut berlangsung selama empat hari bermula 15 Ogos itu disertai oleh para remaja belia perempuan Daerah Belait dan Daerah Brunei

dan Muara.

Program LeadHer tersebut diadakan bertujuan bagi melahirkan pemimpin wanita dengan cara memperkasakan mereka serta mengajarkan mereka kemahiran dan pengetahuan mengenai kepimpinan yang diperlukan untuk perkembangan dan pembangunan diri.

Program tersebut turut merangkumi sesi interaktif, perkongsian, dan aktiviti yang bermakna penemuan diri, kepimpinan, penetapan matlamat, pengurusan kesihatan mental, literasi digital dan kewangan, seni dan budaya, serta

kesukarelawan.

Selain itu, para peserta juga berpeluang untuk meneroka kemahiran baharu serta aktiviti

yang membantu mereka mengenali minat dan keupayaan mereka sendiri.

Di samping itu, Kem Kepimpinan

LeadHer diadakan juga adalah bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan Ke-20 dan inisiatif Next20 Movement.



■ PARA peserta Kem Kepimpinan LeadHer semasa sesi bergambar ramai.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

Bahagian	Status	Libat Pohon
T	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
A	PROSES PERAKUAN	20
W	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
W	TIDAK HADIR	20
I	DITOLAK: SELEPAS TEMU DUGA	20
W	PEMOHON DITERIMA	20

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Zhihar Bertempoh

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ZHIHAR merupakan perkataan bahasa Arab yang diambil dari kalimah (*zhahr*) yang bererti belakang. Dari segi syara' pula, zhihar bererti seorang suami menyamakan isterinya yang belum bertalak secara *ba'in* (talak yang melepaskan ikatan pernikahan dengan serta merta) dengan perempuan yang tidak halal dinikahinya dengan tujuan untuk mengharamkan dirinya menyetubuhi isterinya.

Maksud perempuan yang tidak halal dinikahinya itu ialah perempuan-perempuan yang haram dinikahinya untuk selama-lamanya seperti ibu, nenek, anak perempuan, adik-beradik perempuan, ibu saudara, ibu susuan dan sebagainya.

Orang-orang zaman jahiliyah menggunakan zhihar untuk mentalak isteri. Dikatakan bahawa orang-orang jahiliyah pada waktu itu, apabila seorang suami benci atau tidak lagi suka kepada isterinya, dan dalam waktu yang sama tidak mahu isteri mereka itu dinikahi oleh orang lain, maka suami tersebut menzhihar isterinya. Dengan zhihar tersebut, suami menyetubuhi dirinya daripada isterinya, meskipun tidak melafazkan cerai atau talak. Kemudian syariat Islam datang dengan penetapan bahawa zhihar bukan talak.

Antara contoh lafaz zhihar ialah suami melafazkan zhihar dengan berkata kepada isterinya: "*Engkau bagiku seperti belakang ibuku*" iaitu sebagai pernyataan seolah-olah isterinya itu haram disetubuhinya sepertimana haram dia menyetubuhi ibu kandungnya. Dengan ucapan lafaz zhihar seumpama ini, maka sabitlah zhihar dan dengan yang demikian haram atas suami itu menyetubuhi isterinya sehingga dia menarik balik zhiharnya itu dan membayar *kaffarah*.

Hukum menzhihar isteri adalah haram dan orang-orang yang melakukannya adalah berdosa besar. Bahkan menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*, zhihar lebih bahaya daripada sebahagian dosa-dosa besar yang lain kerana seseorang yang membuat zhihar itu telah mengubah hukum Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Bahkan ia boleh menyebabkan pelaku zhihar itu menjadi kufur sekiranya dia beriktikad untuk mengubah hukum Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan perbuatan zhiharnya itu.

Menurut syariat Islam, zhihar tidak menyebabkan jatuh talak. Sekiranya seorang suami tidak menceraikan isterinya setelah berlaku zhihar dalam

tempoh masa yang menurut syara' suaminya itu boleh menjatuhkan talak, maka dalam hal ini suaminya itu dianggap telah menarik balik zhiharnya kerana perbuatannya tidak menceraikan isterinya setelah menzhiharnya adalah berlawanan dengan perbuatannya menyerupakan isterinya dengan perempuan-perempuan yang haram dinikahinya. Perbuatan suami menyerupakan isterinya dengan perempuan-perempuan yang haram dinikahinya itu membawa maksud suaminya itu tidak mahu meneruskan perhubungan mereka sebagai suami isteri dan mahu menceraikannya, namun sebaliknya suaminya tetap tidak menceraikannya. Maka dalam hal ini wajib suami itu menarik balik zhihar yang dilafazkannya dan membayar *kaffarah* sebelum dia menyetubuhi isterinya.

Perkara yang diharamkan kerana zhihar adalah persetubuhan sahaja. Adapun *istimta'* (berseronok-seronok) antara suami isteri dengan cara yang lain seperti sentuhan atau ciuman tidak diharamkan kerana hubungan perkahwinan masih ada antara suami isteri berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya sentuhan atau ciuman itu diiringi syahwat, hukumnya adalah makruh. Namun *istimta'* bersama isteri pada bahagian antara pusat dengan lututnya, menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* hukumnya adalah haram sebagaimana ia juga diharamkan ketika isteri sedang haidh.

Sekiranya dia menyetubuhi isterinya sebelum dia menarik balik zhiharnya dengan membayar *kaffarah*, maka suaminya itu berdosa dan haram dia menyetubuhi isterinya.

Mengenai perkara zhihar ini, timbul persoalan mengenai zhihar bertempoh. Sebagai contoh, seorang suami berkata kepada isterinya: "*Bagiku, engkau seperti belakang ibuku selama sebulan*" atau "*Engkau bagiku seperti belakang adik perempuanku sepanjang bulan Muharram ini*" dan lafaz-lafaz yang seumpamanya dengan tujuan untuk menyisihkan dirinya dari isterinya dalam tempoh berkenaan. Adakah zhihar bertempoh ini sah di sisi syara'?

Menurut para ulama asy-Syafi'i, zhihar bertempoh yang dilafazkan oleh suami adalah sah. Oleh yang demikian, sabit zhihar itu mengikut tempoh yang dilafazkannya dan haram atas suaminya menyetubuhi isterinya sepanjang tempoh berkenaan.

Ketetapan ini berdasarkan hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi *Rahimahullah* yang menyebut bahawa Salamah bin Shahr *Radhiallahu 'anhu* telah menjatuhkan zhihar kepada isterinya sehingga tamat Ramadhan. Kemudian, Salamah *Radhiallahu 'anhu* menyetubuhi

isterinya dalam tempoh zhihar itu. Lalu beliau pun menceritakan perkara tersebut kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* lantas Baginda memerintahkannya supaya membayar *kaffarah*.


Penarikan balik zhihar bertempoh berbeza dengan penarikan balik zhihar tidak bertempoh. Penarikan balik zhihar bertempoh hanya akan terhasil dengan menyetubuhi isteri ketika dalam tempoh zhihar dan membayar *kaffarah*. Dengan persetubuhan dan membayar *kaffarah* zhihar tersebut, maka terangkatlah keharaman menyetubuhi isteri sekalipun tempoh zhihar belum tamat.

Perbuatan menyetubuhi isteri yang masih dalam tempoh zhihar untuk menarik balik zhihar ini tidak dihukumkan haram kerana penarikan balik zhihar yang mewajibkan *kaffarah* itu tidak akan terhasil melainkan dengan menyetubuhi isteri. Walau bagaimanapun, persetubuhan bagi tujuan menarik balik zhihar bertempoh itu hendaklah hanya menyetubuhi isteri itu sekadar masuk *hasyafah* (kepala zakar) sahaja ke dalam faraj isterinya dan suami wajib menarik semula kemaluannya kerana masih terdapat hukum haram menyetubuhi isteri sebelum membayar *kaffarah* dan hukum haram menyetubuhi isteri sebelum tamat tempoh zhihar.

Selepas melakukan persetubuhan untuk menarik balik zhihar itu, haram atas suami menyetubuhi lagi isterinya sekalipun hanya sekadar masuk *hasyafah* selagi mana dia belum membayar *kaffarah* atau selagi mana belum tamat tempoh zhihar.

Sebagai contoh, seorang suami berkata kepada isterinya: "*Engkau bagiku seperti belakang adik perempuanku sepanjang bulan Muharram ini*". Dengan pernyataan lafaz ini, sabitlah hukum zhihar dan haram atas suami itu menyetubuhi isterinya sepanjang bulan Muharram sebagaimana yang dinyatakannya dalam lafaz zhihar tersebut. Namun ketika masih lagi dalam tempoh zhihar tersebut, iaitu masih lagi dalam bulan Muharram, suaminya berubah fikiran lalu berhajat hendak menarik balik zhiharnya dalam tempoh zhihar. Bagi menarik balik zhiharnya itu, suami hendaklah menyetubuhi isterinya sekadar masuk *hasyafah* ke dalam faraj isterinya lalu wajib dia menariknya semula dari faraj isterinya. Dengan perbuatan tersebut, terlaksanalah penarikan balik zhihar dan wajib atas suami membayar *kaffarah*. Selagi *kaffarah* belum dibayar suami, haram ke atasnya menyetubuhi isterinya. Keharaman persetubuhan tersebut berakhir setelah suami membayar *kaffarah* (sekalipun masih dalam bulan Muharram) atau setelah tamat tempoh zhihar iaitu setelah berlalu bulan Muharram.

Ketetapan hukum di atas adalah bagi



IRSYAD HUKUM

جائز فقه كل جاز

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

suami yang hendak menarik balik zhiharnya dalam tempoh zhihar. Sekiranya suami tidak menyetubuhi isterinya sehingga tamat tempoh zhihar, maka suaminya itu boleh menyetubuhi isteri selepas itu tanpa dikenakan *kaffarah* kerana zhihar telah tamat dengan tamatnya tempoh zhihar.

Sekiranya suami menyetubuhi isterinya ketika dalam tempoh zhihar dan dia belum membayar *kaffarah* sehingga tamat tempoh zhihar, maka dalam hal ini, *kaffarah* masih tertanggung ke atas suaminya. Walau bagaimanapun, suaminya boleh menyetubuhi isterinya selepas tamat tempoh zhihar sekalipun dia belum membayar *kaffarah* kerana zhihar telah tamat dengan tamatnya tempoh zhihar.

Kaffarah zhihar hendaklah mengikut susunan berikut :

- Memerdekakan seorang hamba perempuan yang selamat daripada kecacatan yang menghalanginya dari bekerja.
- Jika dia tidak mampu memerdekakan seorang hamba perempuan sepertimana syarat di atas, maka hendaklah dia berpuasa dua bulan qamariyah (hijriah) secara berturut-turut.
- Jika dia tidak mampu berpuasa berturut-turut selama dua bulan qamariyah kerana sangat tua, sakit dan seumpamanya, maka hendaklah dia memberi makan 60 orang miskin, iaitu satu cupak makanan asasi yang sah dijadikan zakat fitrah bagi setiap seorang miskin.

Demikian penjelasan mengenai zhihar bertempoh. Sekalipun zhihar bertempoh ini boleh ditarik balik oleh suami ketika dalam tempoh zhihar dan ia juga tetap berakhir dengan tamatnya tempoh zhihar tanpa suami itu dikenakan *kaffarah*, zhihar bertempoh ini tetap haram dan orang-orang yang melakukannya akan mendapat dosa besar.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسه دعوه اسلاميه

SALAH satu ajaran Islam yang merupakan ajaran yang sangat-sangat ditekankan yang pada hakikatnya banyak memberikan manfaat kepada diri sendiri dan kehidupan bermasyarakat ialah memberi sedekah sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Al-Baqarah, ayat 274, yang terjemahan makna ayatnya :

"Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau berterang-terang, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita".

Diriwayatkan oleh Imam Tirmidzi dalam kitab *Jami'nya* daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya :

"Orang yang dermawan itu adalah dekat

Bersedekah tidak mengurangkan harta

kepada Allah, dekat kepada syurga, dekat kepada manusia, jauh dari neraka. Orang yang kedekut itu adalah jauh dari Allah, jauh dari syurga, jauh daripada manusia dan dekat kepada neraka. Orang bodoh yang dermawan pula lebih dicintai oleh Allah daripada ahli ibadah yang kedekut".

Selain itu diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitab sahihnya daripada Asma' *Radiallahuanha* katanya Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda kepadanya yang maksudnya :

"Janganlah kamu kedekut, (jika kamu bersikap demikian) Allah akan bersikap kedekut kepada kamu".

Bagaimana senario hari ini berbeza, masih ramai yang jahil mengenai inti pati sedekah sehinggalah mereka menganggap derma atau sedekah hanyalah satu pemberian yang hanya mengurangkan harta mereka dan menyusahkan, ianya tidak mendatangkan kebaikan bagi mereka. Lebih teruk lagi sesetengah perbuatan sedekah itu dicanang ke sana sini kepada orang ramai bagi tujuan tertentu, di sinilah berlakunya sifat riyak.

Ada pula sesetengah orang lebih cenderung mengumpul harta dan tidak mahu mengeluarkan zakat apatah lagi bersedekah. Mereka khuatir harta mereka menjadi sedikit dan berkurangan. Di sinilah timbulnya hawa nafsu dan sikap tamak membuatkan mereka menjadi bakhil dan kedekut. Umat Islam tidak perlu takut untuk bersedekah kerana ganjaran sedekah itu biarpun sedikit ianya amat besar nilainya di sisi Allah *Subhanahu Wata'ala*. Sesungguhnya dengan bersedekah tidaklah akan mengurangkan harta seseorang, sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261, yang terjemahan makna ayatnya :

"Bandangan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya".

Bersedekah tidak hanya dituntut ke atas

orang kaya bahkan semua orang boleh dan digalakkan bersedekah mengikut kemampuan masing-masing. Sedekah pada hakikatnya didasari rasa keprihatinan, perikemanusiaan dan keikhlasan. Tidak perlulah menunggu kaya untuk bersedekah kerana sesungguhnya orang yang bersedekah itu lebih baik dari orang yang meminta sedekah. Sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya, daripada Abdullah bin Umar *Radhiallahuanhuma*, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Tangan yang di atas (orang yang memberi) itu lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang menerima)".

Umat Islam tidak perlu takut untuk bersedekah, harta pada zahirnya mungkin berkurang tetapi pada hakikatnya ianya memberikan banyak kebaikan kepada orang yang menghulurkan sedekah yang berupa keberkatan, ganjaran pahala dan mungkin saja menjadi sahaja saham untuk dinikmati hasilnya di akhirat nanti.

KOMITMEN NBD DALAM MEMPERTINGKATKAN KAPASITI PENGAWALSELIAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar



KETUA Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Tahunan Rangkaian Kerjasama Badan-badan Pengawal Selia Tenaga Atom ASEAN Ke-12 (ASEANTOM).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Ogos. - Pihak Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah menghadiri Mesyuarat Tahunan Rangkaian Kerjasama Badan - badan Pengawal Selia Tenaga Atom ASEAN Ke-12 (ASEANTOM) yang diadakan selama lima hari bermula 11 sehingga 15 Ogos 2025 di Johor Bahru, Malaysia. Mesyuarat ini telah

dipengerusikan dan dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Atom Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Malaysia bersempena Pengerusan ASEAN oleh Malaysia pada tahun ini. ASEANTOM yang ditubuhkan sejak tahun 2013 berperanan untuk mempertingkatkan keselamatan nuklear serantau, sekuriti serta perlindungan nuklear dalam Komuniti ASEAN serta merancang

hala tuju masa hadapan serta mencari penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan dengan hal ehwal teknikal nuklear di rantau ini. Sebagai sebuah badan sektoral di bawah Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN, mesyuarat tahunan ini menjadi platform penting bagi pertukaran pengetahuan antara pengawal selia dan pakar di samping menilai kemajuan inisiatif serantau yang telah dirancang.

Acara ini menghimpunkan wakil-wakil daripada badan pengawalseliaan radiasi Negara-negara Anggota ASEAN, bersama pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan Rakan Dialog ASEANTOM, termasuk Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), Suruhanjaya Eropah (EC), Agensi Tenaga Atom Jepun (JAEA), Suruhanjaya Kawal Selia Nuklear Amerika Syarikat (US NRC) dan Pejabat Serantau Perjanjian Kerjasama Serantau (RCARO).

Majlis pembukaan telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Fadillah bin Haji Yusof yang menegaskan komitmen ASEAN untuk kekal sebagai zon bebas senjata nuklear, serta menyeru negara - negara bersenjata nuklear untuk menandatangani dan meratifikasi Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ).

Turut hadir, Menteri Besar Johor dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Malaysia.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin

Haji Ahmad. Penyertaan SHENA ini mengukuhkan lagi komitmen NBD dalam mempertingkatkan kapasiti pengawalseliaan negara, selaras dengan objektif serantau untuk mengekalkan piawaian tertinggi dalam keselamatan, sekuriti, dan perlindungan nuklear dalam kalangan komuniti ASEAN.

Perbincangan semasa mesyuarat merangkumi topik utama termasuk strategi memperkukuh kesiapsiagaan dan tindak balas serantau (EPR) terhadap insiden radiologi dan nuklear, memajukan sekuriti nuklear di bawah Pelan Kelestarian Sekuriti Nuklear Bersepadu (INSSP) dengan kerjasama IAEA, serta menyokong pelaksanaan Perjanjian SEANWFZ.

Mesyuarat tersebut turut meluluskan Pelan Kerja ASEANTOM 2025-2029 dan mengesahkan garis panduan bagi memperkemas prosedur komunikasi kecemasan bersepadu ASEANTOM serta memperkukuh mekanisme perkongsian maklumat untuk meningkatkan sekuriti nuklear di rantau ini.

Mesyuarat diakhiri dengan penyerahan Pengerusi ASEANTOM kepada Republik Filipina, yang akan menjadi tuan rumah Mesyuarat Tahunan Ke-13 pada tahun 2026.

Meningkatkan kebolehpasaran, daya saing pencari kerja tempatan

Siaran Akhbar dan Infografik : Pusat Pekerjaan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Ogos. - Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan melanjutkan Program Persediaan Pekerjaan sebagai usaha membekalkan para pencari kerja tempatan dengan persediaan awal sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Program ini pernah

dilaksanakan di Daerah Belait dan Tutong pada bulan April dan Mei 2025. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan praktikal serta bimbingan asas dalam meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing pencari kerja tempatan melalui bengkel dan aktiviti berpasukan.

Antara pengisian yang diberi penekanan termasuk penyediaan CV, persediaan temu duga serta kemahiran insaniah (*soft skills*) seperti komunikasi dan keyakinan diri.

Dengan mengikuti program ini, peserta diharap akan memperoleh kemahiran komunikasi yang lebih mantap, keyakinan diri terutama semasa temu duga, keupayaan membuat pembentangan secara profesional, serta kefahaman terhadap keperluan industri dan jangkaan majikan termasuk etika kerja yang profesional.

Program ini juga membantu peserta untuk memanfaatkan maklum balas sebagai alat penambahbaikan serta mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari bagi meningkatkan peluang dalam pasaran kerja.

Program sehari ini akan diadakan pada 27 Ogos 2025 bertempat di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Lifelong Learning Centre - L3C) di Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan, yang dikendalikan oleh Jurulatih Kerjaya Bertauliah daripada Pusat Pekerjaan Brunei dengan kerjasama syarikat penyedia latihan yang terpilih sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat mereka.

Orang ramai khususnya pencari kerja tempatan adalah dialu-alukan untuk menyertai program ini dengan mendaftar melalui pautan : linktr.ee/PPBcareer.

Bagi sebarang pertanyaan, hubungi Pusat Pekerjaan Brunei semasa waktu pejabat menerusi talian +673 2444100 (sambungan 102), teks WhatsApp +673 7291785 atau melalui e-mel info@ppb.gov.bn.

NBD berada dalam monsun Barat Daya

Siaran Akhbar : Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada di dalam monsun Barat Daya, yang lazimnya akan berterusan sehingga bulan September 2025.

Keadaan cuaca aktif diramalkan bermula pada malam ini, 19 Ogos 2025 sehingga 22 Ogos 2025.

Hujan atau hujan berpetir, kadang-kala lebat dan berangin kencang dijangka berlaku sekali-sekala, menjejaskan kebanyakan kawasan negara. Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit, dengan ketinggian di antara 0.5 meter (m) hingga 1.0m.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari masa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit iaitu 'Brunei WX' kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com/bruneiweather), Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather) dan saluran Telegram Brunei Weather.

PROGRAM DITERUSKAN LAGI!

PROGRAM PERSEDIAAN PEKERJAAN

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Rabu, 27 Ogos 2025
8:00 pagi - 4:30 petang

Training Room 1, First Floor, Administration Block, Lifelong Learning Centre (L3C), Kg Lambak Kanan

DAFTAR SEKARANG!
[LINKTR.EE/PPBCAREER](http://linktr.ee/PPBcareer)
First-come-first serve! Slot terhad!

PERCUMA

Pelbagai aktiviti interaktif

- untuk meningkatkan kebolehpasaran & daya saing dalam pasaran kerja.
- Bina keyakinan diri & asah kemahiran asas seperti kualiti kepimpinan, semangat kerjasama berpasukan & komunikasi profesional.
- Kedatangan penuh dimestikan untuk mendapatkan sijil penyertaan.
- Jamuan tengah hari akan disediakan.

careerunit@ppb.gov.bn **www.jobcentrebrunei.gov.bn** **2444100 ext102** **729 1785**

AFSA TANDATANGANI MOU BERSAMA 2 SYARIKAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Ogos. - Dalam usaha menyantuni dan menolong Rakan Selaian (RS) untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka, pihak Persatuan Aftercare Support

Association (AFSA) tidak jemu-jemu menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama agensi-agensi swasta dan syarikat-syarikat yang mahu menghulurkan bantuan dan

menjalinkan kerjasama dengan pihak AFSA.

Ini merupakan langkah proaktif pihak AFSA dalam melihat dan memastikan RS mendapatkan kemahiran hidup peluang-peluang pekerjaan.

Antara syarikat yang menandatangani MoU dengan

Berita dan Foto :
Ihsan Persatuan Aftercare Support Association

SESI bergambar ramai pada majlis tersebut.

AFSA ialah Coral Creative (Marketing Partner) dan Starhub Enterprise (Strategic Partner).

Menandatangani MoU bagi pihak AFSA ialah Timbalan Yang Dipertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, manakala pihak Coral Creative diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, Awang Muhammad Faiz Hamid bin Ahmad Kasranuddin; dan Starhub Enterprise diwakili oleh Pengasas Bersama / Pakar Strategi Jualan Utama, Derick Leong Kuan Xiang.

Hadir bagi menyaksikan MoU berkenaan ialah Penguasa Penjara, Jabatan Penjara,

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Aliddin bin Haji Ahmad.

Hadir bersama ialah Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya; Setiausaha AFSA, Awang Haji Mahali bin Haji Hassan; Pengarah Usahawan dan Progam AFSA, Dayang Hajah Asmah binti Haji Mohd. Salleh, para pegawai dari Jabatan Penjara, pegawai-pegawai daripada kedua-dua syarikat dan Ahli-ahli AFSA yang lain.

Menurut Setiausaha Agung AFSA, Awang Haji Mahali sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak swasta dalam menyantuni RS ini adalah sangat positif.

Sikap positif mereka ini dihasrat dapat memberikan motivasi dan keprihatinan kepada agensi-agensi yang berkepentingan bagi sama-sama membantu RS.



Malam Berqasidah semarakkan Pentas Perayaan



Oleh: Rohani Haji Abd. Hamid
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Isnin, 18 Ogos. - Bagi memeriahkan dan menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, Bahagian Belia dan Beliawanis Masjid Temburong telah mengadakan Persembahan Malam Berqasidah di Pentas Perayaan Dermaga Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat

KETUA Unit Laporan, Bahagian Imarah Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Zharfan bin Awang Ahmad hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri). Sementara gambar bawah, antara Persembahan Bercorak Keagamaan pada Pentas Perayaan berkenaan.

majlis ialah Ketua Unit Laporan, Bahagian Imarah Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Zharfan bin Awang Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan persembahan daripada Kumpulan Mar'ah, kumpulan Al-Latif, Kumpulan Nur Nawwarah, Kumpulan Adzkiya dan kumpulan Dhafwatul Aisy.

Persembahan Bercorak Keagamaan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun ini antara lain bertujuan untuk memeriahkan lagi acara malam keraian dengan gema alunan qasidah serta menjadi pemangkin semangat dalam meneruskan dan memperkembangkan seni irama dakwah Islamiah yang menarik dan indah.



OPERASI WASPADA KESAN 4 KESALAHAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Ogos. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 159/2025 di Kampung Delima baru-baru ini bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan kedai makan telah mendapati sebanyak empat kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 39(1) Majikan gagal membayar gaji pekerja mengikut jumlah yang dijanjikan, Bab 39(2) Majikan tidak membayar kerja lebih masa, Bab 65 Pekerja bekerja melebihi jam yang ditetapkan dan Bab 116 Majikan gagal menyediakan pengangkutan / tiket pulang ke negara asalnya.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi BND1,000 bagi setiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh menjalankan Operasi Waspada 159/2025 di Kampung Delima bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan (kiri dan kanan).

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal

278 seperti majikan hendaklah membayar gaji pekerja-pekerja tepat pada masa tidak lewat dari tujuh hari daripada gaji kena dibayar, membayar gaji kerja lebih masa, pekerja-pekerja tidak boleh bekerja

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



melebihi lapan jam sehari dan tidak boleh melebihi 12 jam sehari bagi pekerja syif dan menyediakan tiket pulang ke negara asal pekerja.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



MINDA PEMBACA

Isu pengangguran, keperluan penyesuaian kurikulum

ISU pengangguran di negara ini masih hangat diperkatakan. Walaupun kadar pengangguran pada tahun 2024 mencatatkan penurunan, realitinya masih ramai anak muda yang menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan yang sepadan dengan ijazah yang dimiliki. Keadaan ini menimbulkan sedikit kegusaran. Adakah kurikulum pendidikan kita benar-benar selari dengan keperluan sebenar pasaran kerja atau sudah jauh menyimpang? Bagi menangani isu ini, penyesuaian kurikulum menjadi satu keperluan penting untuk dilakukan.

Pertama, kurikulum pendidikan kita perlu mengambil kira perubahan

teknologi dan keperluan industri mutakhir. Dalam hal ini, peranan pihak industri dalam pembuatan dan penilaian keberkesannya adalah amat diperlukan bagi memastikan ijazah yang diperoleh akan sentiasa 'laku' dan mencapai cita rasa majikan. Contohnya, penerapan *software* seperti SQL dan SAP ke dalam kurikulum pembelajaran mempersiapkan pelajar dengan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam kerjaya perakaunan.

Kedua, penstrukturan semula melalui penggantian modul akademik yang kurang relevan dengan modul berasaskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

adalah penting untuk mengimbangi sinergi pembelajaran teori dengan kemahiran teknikal. Kurikulum yang berunsurkan teori semata-mata bukan sahaja akan merugikan kerajaan tetapi akan membantut perkembangan dan kesiapsagaan pelajar.

Ketiga, penyesuaian kurikulum juga mesti merangkumi kemahiran *soft skills* seperti cara berkomunikasi, penyelesaian kerja dan kerjasama berpasukan, yang wajar dijadikan sebahagian mata pelajaran teras, bukan sekadar pengisian aktiviti sampingan atau kokurikulum. Kita tidak mahu terus menghasilkan pelajar yang sekadar ulat buku tetapi tidak kompeten di alam pekerjaan.

Secara keseluruhannya, sistem pendidikan kita tidak boleh terus dibelenggu dengan pendekatan lapuk. Kurikulum yang sedia ada perlu dirombak agar lebih relevan, sejajar dengan pasaran kerja semasa. Hanya dengan mengubah kurikulum secara menyeluruh, berpaksikan keperluan industri, barulah isu pengangguran dapat kita tangani secara berkesan.

Nama : Ahmad Danial bin Jaafar
No. K/P: 01-130XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Kebaikan Menjadi Masyarakat Berdisiplin, Bertoleransi'. Tarikh Tutup : 20 Ogos 2025
- 2.'Pembangunan Ekonomi Digital: Peluang dan Cabaran'. Tarikh Tutup : 27 Ogos 2025
- 3.'Penyebaran Maklumat Palsu: Cabaran Dunia Digital Masa Kini'. Tarikh Tutup : 3 September 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3.Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(85) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Atap Awning Di Bangunan
Tambahan Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

Yuran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
(86) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Servicing Dan
Penyelenggaraan Alat Pemadam
Api, Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 21 Ogos 2025,
Jam 8.00 Pagi



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Sebut Harga:
MOFE / UPAH / Q / 2025-3

Tajuk Sebut Harga:
Perkhidmatan Penyewaan Dan
Penyelenggaraan Landskap Di
Dalam Bangunan Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi Bagi
Tempoh 1 Tahun,
Commonwealth Drive,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu, 23 Ogos 2025,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Sebut Harga
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 045/2025

Tajuk Tawaran:
Provision Of Manpower For
Rectification Works Of
Transmission Network Over A
Period Of Thirty-Six (36) Months

Tarikh Tutup:
16 September 2025, Selasa,
2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam
Kelas 3, 4 atau 5 dan
mempunyai Kategori E03



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01 (Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
26 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
9 September 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 24 / BTKS /
2025-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaikpulih Tanah
Susur Di No.19, Simpang 73,
Jalan 60, RPN Kg. Rimba Gadong

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / DITU /
TA / 03

Permohonan Penambahan Dan
Penambahbaikan 'Fiber Optic'
Bagi Sistem Rangkaian Di
Perkhemahan Muara, Tentera
Laut Diraja Brunei (TLDB).

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan).

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
**seminggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu Selasa, 9
September 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
16 September 2025,
Jam 2.00 Petang



Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01, P02 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
26 Ogos 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
9 September 2025
(Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 030 / 2025

Nama Projek:
36 Bulan - Perkhidmatan Tenaga
Kerja Dan Penyelenggaraan Bagi
Stesen Pemantauan Kualiti Air
Terunjing Termasuk Stesen
Pemantauan Tambahan Bagi
Jabatan Perkhidmatan Air, Negara
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 216 / 2025 / MOH(TC)

Keterangan:
The Provision Of Cleaning
Services At The Hospitals And
Health Facilities Of
The Ministry Of Health For A
Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND2,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 217 / 2025 / MOH(TC)

Keterangan:
The Provision Of Healthcare
Waste Services For Hospitals And
Health Facilities Of
The Ministry Of Health For A
Period Of Ten (10) Years

Yuran Tawaran:
BND5,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 218 / 2025 / MOH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Biomedical
Engineering Services At The

Kelas:
II, III, IV & V Sahaja

Kategori:
KA01, P02 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
26 Ogos 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
9 September 2025
(Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 032 / 2025

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian
Sistem Paip Air Utama Dan
Tangki-Tangki Air
Bagi Ke Semua Daerah,
Menaiktaraf Booster Bangar
Dan Lakiun Serta Pemasangan
Paip Air Utama Baru Ke Tangki
Simpanan UNISSA,
Daerah Temburong

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Hospitals And Health Facilities
Of The Ministry Of Health For A
Period Of (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 5,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 219 / 2025 / MOH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Facilities
Engineering And Maintenance
Services For Hospitals And
Health Facilities Of The
Ministry Of Health For A Period Of
Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 5,000.00

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
MTIC_SH01-2025

Tajuk Sebut Harga:
Replacement Of Network
Switches And Procurement Of
Additional Wireless Access Points
For Ministry Of Transport And
Infocommunications (MTIC)

Bilangan Sebut Harga:
MTIC_SH02-2025

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian Lesen Fortigate UTP
Dan Forticare Untuk 15 Unit
Access Point (AP) Bagi
Kementerian Pengangkutan Dan
Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 September 2025,
Jam 2.00 Petang





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
B01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
26 Ogos 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
9 September 2025 (Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM026 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Bagi
Masjid Omar Ali Saifuddien,
Bandar Seri Begawan

Bil. Projek
2025DBSBM / JUB.05

Yuran Tawaran:
BND1000.00
(Tidak dikembalikan)



Kelas:
III Atau V

Kategori:
M01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
2 September 2025,
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa,
16 September 2025,
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM /
30 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Hawa Dingin Bagi
Dewan-Dewan Kemasyarakatan
Di Daerah Brunei-Muara

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



Kelas:
II, III, IV & V Sahaja

Kategori:
KA01, P02 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
26 Ogos 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
9 September 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 031 / 2025

Nama Projek:
Pembekalan Dan Penghantaran
Bench Meter Makmal, Perkakas
Dan Aksesori Untuk Analisis Air
Ke Makmal Perkhidmatan Air,
Jabatan Perkhidmatan Air

Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 76 / 2025 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three
(3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 77 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 78 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 79 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 80 / 2025 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 81 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 82 / 2025 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 83 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bahagian Khidmat Bakti Negara
[BKBN]

Kementerian Kebudayaan, Belia
Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
5 / OGOS / KKBS / BKBN / 1.40 / 25

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Serta Penghantaran
Pelbagai Pakaian Program Jati Diri
Kohort 9

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis 21 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 84 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 85 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 86 / 2025 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
26 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Penender-penender adalah
dipelawa untuk mengemukakan 9
tawaran bagi kerja berikut :

RBPF / TPROC / RC / 002 /
2025-T

Pembekalan Dan Penyewaan
Kenderaan Agensi-Agensi
Keselamatan Dan
Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Police Motorcycles 1,000cc).

Yuran Tawaran:
BND2,000.00
(Tidak dikembalikan)

RBPF / TPROC / RC / 003 /
2025-T

Pembekalan Dan Penyewaan
Kenderaan Agensi-Agensi
Keselamatan Dan
Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Police Motorcycles 1,300cc).

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

RBPF / TPROC / RC / 004 /
2025-T

Pembekalan Dan Penyewaan
Kenderaan Agensi-Agensi
Keselamatan Dan
Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Police Motorcycles 1,600cc).

Yuran Tawaran:
BND 500.00
(Tidak Dikembalikan)

RBPF / TPROC / RC / 005 /
2025-T

Pembekalan Dan Penyewaan
Kenderaan Agensi-Agensi
Keselamatan Dan
Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (05) Tahun
(Sedans).

Yuran Tawaran:
BND 2,000.00
(Tidak dikembalikan)

RBPF / TPROC / RC / 006 /
2025-T

Pembekalan Dan Penyewaan
Kenderaan Agensi-Agensi
Keselamatan Dan
Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (05) Tahun
(SUVS).

Yuran Tawaran:
BND 2,000.00
(Tidak dikembalikan)

RBPF / TPROC / RC / 007 /
2025-T

Pembekalan Dan Penyewaan
Kenderaan Agensi-Agensi
Keselamatan Dan
Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (05) Tahun
(VANS).

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

RBPF / TPROC / RC / 008 /
2025-T

Pembekalan Dan Penyewaan
Kenderaan Agensi-Agensi
Keselamatan Dan
Penguatkuasaan

Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(BUSES).

Yuran Tawaran:
BND 500.00
(Tidak dikembalikan)

RBPF / TPROC / RC / 009 /
2025-T

Pembekalan Dan Penyewaan
Kenderaan Agensi-Agensi
Keselamatan Dan
Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Light Trucks).

Yuran Tawaran:
BND 500.00 (Tidak dikembalikan)

RBPF / TPROC / RC / 010 /
2025-T

Pembekalan Dan Penyewaan
Kenderaan Agensi-Agensi
Keselamatan Dan
Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Double Cabs).

Yuran Tawaran:
BND 500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 September 2025,
Jam 2.00 Petang





قيستا بوكو بروني ٢٠٢٥

Pesta Buku Brunei 2025

Anjuran
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



28 Safar – 7 Rabiulawal 1447
22 – 31 Ogos 2025



Setiap Hari
8.30 pagi – 9.30 malam



**Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas**

Hari Jumaat
8.30 pagi – 11.30 pagi
2.30 petang – 9.30 malam



+673 2382511



www.dbp.gov.bn



dbpbrunei
pbbrunei



dbpbrunei



Dewan Bahasa dan
Pustaka Brunei



Anjuran
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

SERTAI KAMI ↓

PROGRAM SIVIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KEDUA BAGI TAHUN 2024/2025

OBJEKTIF

Memberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai usaha-usaha kerajaan dan negara dalam memupuk dan menanam semangat kenegaraan berteraskan falsafah 'Melayu Islam Beraja' (MIB)

Dibukakan kepada mahasiswa dan mahasiswi serta lepasan ijazah yang berumur tidak melebihi 28 tahun.



TARIKH
30 OGOS HINGGA 4 SEPTEMBER 2025



TEMPAT
JABATAN PENERANGAN



Sila imbas kod QR untuk penyertaan
Tarikh Tutup Penyertaan: **26 Ogos 2025**

Untuk keterangan lanjut, hubungi

Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan
telefon: 2383400 sambungan 209

e-mel: unit.kenegaraan@information.gov.bn



PROGRAM LITERASI PENERANGAN SAMPAIKAN MAKLUMAT RASMI, AKTIVITI KERAJAAN



PEMANGKU Ketua Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Awang Mohamad Azmi bin Haji Awang Damit hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong.

elemen utama iaitu Pembangunan Belia melalui taklimat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035, termasuk peranan belia dalam pembangunan negara serta penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan; Nilai Inklusiviti menerusi lawatan ke Pusat Bahagia Pulaie bagi memahami erti keterangkuman dan empati dalam masyarakat; Keselamatan Siber & Data dengan pendedahan mengenai ancaman berita palsu, jenayah siber, penipuan dalam talian, penggunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI) secara beretika, serta kepentingan perlindungan data peribadi; dan Isu Semasa Belia melalui perkongsian mengenai pengangguran belia, peluang pekerjaan melalui Pusat Pekerjaan Brunei dan pengukuhan akidah oleh Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Program tersebut ialah Pemangku Ketua Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Awang Mohamad Azmi bin Haji Awang Damit.

Majlis berlangsung di Dewan Citra, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jabatan Penerangan dalam kenyataannya menegaskan, pihaknya akan terus mempelbagaikan platform penyampaian maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan di samping memahami kehendak semasa belia, seiring dengan visinya untuk 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, dan hasrat kerajaan kepada Selasa, 19 Ogos. - Bagi golongan belia, Jabatan menyampaikan maklumat rasmi Penerangan, Jabatan Perdana



Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah menganjurkan Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong selama dua hari bermula hari ini hingga 20 Ogos 2025.

Program tersebut disertai seramai 28 peserta terdiri daripada belia mukim dan kampung di Daerah Tutong.

Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Liyana binti Haji Suhaimi, selaku Pengerusi Program dalam ucapannya menjelaskan, program berkenaan merupakan antara usaha strategik

Jabatan Penerangan dengan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government.

Ia dihasratkan melahirkan belia yang berilmu, berakhlak, siaga menghadapi cabaran masa depan serta mampu menyumbang ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Beliau turut menyentuh mengenai Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025 yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026, sekali gus membuktikan keprihatinan kerajaan dalam melindungi rakyat daripada risiko penyalahgunaan maklumat serta ancaman siber.

Hal ini juga selaras dengan objektif program untuk mendidik belia tentang keselamatan digital dan etika penggunaan teknologi moden.

Sepanjang program, peserta didedahkan kepada beberapa

ANTARA yang hadir menyertai program berkenaan.

ALAI PINTAR 155

SOALAN 20 OGOS 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Panjang pembaris ialah 30cm. Berapakah panjangnya dalam meter?
a) 3.0 m
b) 0.3 m
c) 0.03m
- _____ yang memanggil saya tadi?
a) Siapa
b) Apa
c) Mana
- Haiwan seperti kucing dan arnab membiak melalui cara?
a) Bertelur
b) Beranak
c) Menetas dari kepompong

TARIKH TUTUP : 30 OGOS 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 154 :

Nama : Muhammad Iman Qarizh bin Mohd. Salrizamshah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134045-01. Sekolah : Sekolah Rendah DRHM Jaafar, Kiarong

Nama : Ayesha Nafeesa binti Abdie Norezat
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0152500-01. Sekolah : Sunshine School

Nama : Dk Nur Qaisara Damia binti Pg Hibatullah Khairul Arifin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0118564-01. Sekolah : Seri Mulia Sarjana School

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 154

- A - Aduh, sakitnya kaki sayal
- B - BND15
- C - Islam



Pesta Buku Brunei 2025 hargai seni, budaya

Oleh : Nur Alya Irdina Haji Madali, Penempatan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam di Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

PESTA Buku merupakan acara tahunan yang menghimpunkan penerbit dan penjual buku bagi mempromosikan serta memperkenalkan pelbagai jenis buku kepada orang ramai terutama kepada para pencinta buku. Pelbagai acara telah disusun sepanjang pesta yang akan diadakan pada 22 Ogos hingga 31 Ogos 2025 nanti. Bagi mengetahui lebih lanjut mengenainya, ikuti temu bual Pelita Brunei bersama Pegawai Bahasa, Ketua Unit Pemasaran, Seranta dan Perhubungan Awam, Bahagian Penerbitan dan Pemasaran, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Nor Rafidah binti Haji Mokhtar yang juga selaku Penolong Setiausaha Pesta Buku Brunei 2025.

1. Boleh Puan terangkan serba sedikit mengenai Pesta Buku tahun ini?

DBP, KKBS akan menganjurkan Pesta Buku Brunei 2025 sempena Sambutan Bulan Bahasa selama 10 hari, mulai 22 hingga 31 Ogos 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. Pesta Buku Brunei 2025 ini dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula 8.30 pagi hingga 9.30 malam kecuali Jumaat, jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dibuka semula pada jam 2.30 petang hingga 9.30 malam.

Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2025 diadakan pada Sabtu, 23 Ogos 2025 pada jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Persidangan Utama ICC oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku tetamu

kehormat majlis. Pada tahun ini, seramai 38 pempamer terlibat dalam memeriahkan Pesta Buku Brunei terdiri daripada penerbit dan institusi kerajaan, tokoh-tokoh buku tempatan dan swasta, pembekal Syarikat IT tempatan serta penerbit dari luar negara, iaitu Kesultanan Oman, Republik Turkiye, Jordan dan Malaysia.

2. Boleh Puan terangkan mengenai pemilihan tema Pesta Buku Brunei pada tahun ini?

Tema Pesta Buku Brunei 2025 iaitu 'Kembara Dunia Buku' menampilkan idea bahawa pembacaan bukan sekadar aktiviti intelektual malahan sebuah pengembaraan ke dunia baharu yang penuh dengan keajaiban, emosi dan ilmu. Buku ialah pintu masuk ke dimensi kreatif dan pembaca bebas membayangkan cerita dalam minda mereka. Melalui imaginasi, pembaca dapat mengembara ke tempat jauh, melangkaui realiti dan merasai pengalaman yang tiada batasan. Gabungan elemen ilmu, imaginasi dan ekspresi seni ini diharap akan mendorong pengunjung untuk meneroka imaginasi bagi mencetuskan inspirasi.

3. Tahun ini merupakan tahun ke berapa ia dianjurkan? Dan apakah kelainan kali ini berbanding tahun-tahun sebelumnya?

Pesta Buku Brunei pertama kali dianjurkan oleh DBP, KKBS pada tahun 1989 sempena 30 Tahun Bahasa Melayu dalam Perlembagaan. Mulai tahun 2000, ia mula dianjurkan secara tahunan sebagai salah satu acara pengisian bagi menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan

Negara Brunei Darussalam. Manakala mulai tahun 2021, penganjuran Pesta Buku Brunei disempenakan dengan Sambutan Bulan Bahasa.

Sebagai usaha memperkaya pengalaman pengunjung ke Pesta Buku Brunei 2025, DBP dengan kerjasama Kumpulan PUTRA Seni mengetengahkan 'Dunia Ceritera' sebagai tarikan utama buat pengunjung. 'Dunia Ceritera' ialah ruang penceritaan imersif yang membawa pengunjung masuk ke alam buku dan imaginasi melalui seni persembahan. Penceritaan imersif ini akan memberi pengalaman seolah-olah pengunjung berada di dalam dunia cerita itu sendiri. Cerita yang dipersembahkan diambil daripada buku cerita kanak-kanak dan cerita rakyat atau *folklore* terbitan DBP.

4. Apakah objektif Pesta Buku Brunei diadakan?

Objektif penganjuran Pesta Buku Brunei adalah untuk memasyarakatkan budaya membaca dan membina apresiasi terhadap karya seni serta penulisan buku. Mengukuhkan pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap budaya Brunei, bahasa dan sastera Melayu serta tulisan Jawi. Menonjolkan identiti dan karya penulis buku, penggiat seni tempatan serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Menjalin kerjasama dan hubungan perniagaan serantau dan antarabangsa bagi mengembangkan industri penerbitan buku Brunei.

5. Apakah program dan aktiviti di sepanjang pesta ini diadakan?

Pelbagai program menarik diadakan antaranya Kuiz Interaktif, Cakna Bahasa, Temu dan Sapa bersama Penulis, Bicara Buku, Bedah Karya dan Forum Suara Tiga Generasi. Selain itu, turut diadakan aktiviti di

Ruang Didik Hibur dan Dinding Interaktif serta bengkel di Bilik Sepakat 6.

Pada tahun ini, DBP juga melancarkan sebanyak 23 judul buku terbaharu dalam beberapa majlis pelancaran yang berasingan sepanjang Pesta Buku Brunei berlangsung. Tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada setiap penulis menonjolkan karya mereka secara khusus, di samping memberi ruang kepada pengunjung untuk mengikuti sesi pelancaran buku tersebut dan seterusnya bertemu sapa dengan penulis. Buku yang dilancarkan dijual dengan potongan harga sebanyak 10 peratus.

6. Siapakah sasaran Pesta Buku Brunei pada tahun ini?

DBP selaku penganjur sangat mengalu-alukan orang ramai khususnya ibu bapa untuk meluangkan masa membawa anak-anak berkunjung ke Pesta Buku Brunei. Selain mendedahkan anak-anak kepada buku, mereka juga boleh mengikuti aktiviti yang telah dirancang dan seterusnya berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik. Pengunjung juga berpeluang mendapatkan potongan harga buku sehingga 70 peratus hanya di Pesta Buku Brunei.

Bagi mengakhiri temu bual, Dayang Nor Rafidah berharap pesta buku seumpama ini akan dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, iaitu melalui pemerkasaan budaya membaca dalam kalangan masyarakat dan peningkatan daya apresiasi masyarakat terhadap buku dan berharap penganjuran acara tahunan ini juga akan dapat menjadi titik tolak kepada pembangunan masyarakat yang lebih berpengetahuan, kreatif dan menghargai seni serta budaya.





Belia Berwawasan

Belia peneraju seni muzik tradisional

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ihsan Pengiran Mohammed Hazim Firdaus
Pengiran Hamdani

Di sebalik kemodenan arus muzik masa kini, masih wujud segelintir belia yang gigih mempertahankan seni muzik tradisional agar terus relevan dan diminati generasi muda.

Salah seorang daripadanya ialah Pengiran Mohammed Hazim Firdaus bin Pengiran Hamdani, 29 tahun, yang berkhidmat dalam sektor kerajaan khususnya dalam bidang penyiaran.

Di luar waktu bertugas, beliau merupakan pengasas dan ketua kumpulan muzik *fusion* tradisional iaitu Orkestra Kulimpapa yang berusaha menghidupkan warisan seni muzik tradisional dengan sentuhan yang segar dan relevan bagi generasi kini.

Kumpulan yang diasaskannya pada Februari 2018 ini bermula dengan tujuh ahli yang mahir memainkan pelbagai alat muzik tradisional seperti Gong, Tawak-Tawak, Seruling, Gendang Labik, Percussion dan Gulintangan dengan beliau sendiri memainkan Gulintangan yang menjadi nadi dan teras utama dalam setiap persembahan mereka.

Menurut Pengiran Mohammed Hazim Firdaus, idea untuk menubuhkan kumpulan ini muncul setelah beliau diberi peluang membuat persembahan kepada pelancong luar negara oleh Eco Ponies Garden.

"Ketika itu, saya ditawarkan untuk membuat persembahan kepada pelancong dari China kerana mereka mengenal pasti kebolehan saya dalam bermain Gulintangan.

"Melalui peluang itu, kami diperkenalkan kepada sebuah lagi agensi pelancongan berasaskan aktiviti kebudayaan iaitu KommuniHub Co yang membuka lebih banyak peluang dan menjadi batu loncatan untuk kami melibatkan diri dalam industri ini," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, penubuhan kumpulan ini adalah bagi memberikan nafas baharu

kepada muzik tradisi yang kian terpinggir terutama dalam kalangan belia.

"Justeru, pendekatan Orkestra Kulimpapa tidak hanya menumpukan kepada lagu-lagu lama tetapi turut menyelitkan lagu-lagu moden yang diolah dengan alat muzik tradisional iaitu gabungan yang menghasilkan kelainan dan menarik perhatian ramai," katanya.

Untuk menarik minat generasi muda terhadap alat muzik tradisional, beliau dan kumpulannya pernah mengadakan bengkel bersama Pusat Belia dan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT).

"Hasil daripada bengkel tersebut, seramai 20 peserta telah diketengahkan untuk membuat persembahan dalam acara anjuran kami iaitu Malam Senandung Gulintangan.

"Selain itu, terdapat bekas peserta yang kini terus bergiat aktif dalam bidang ini dan kerap dijemput membuat persembahan di pelbagai majlis keraian termasuk acara perkahwinan," katanya.

Walaupun bagaimanapun, perjalanan beliau dan kumpulannya tidak begitu mudah kerana mereka turut berhadapan cabaran utama seperti kekangan masa dan komitmen ahli kumpulan yang terikat dengan tugas kerja, pelajaran serta urusan peribadi masing-masing.

"Sebagai ketua kumpulan, saya perlu memahami situasi masing-masing dan bertolak ansur. Oleh itu, saya merancang sesi latihan berdasarkan kesesuaian masa serta kehadiran mereka secara individu," katanya.

Selain itu, jelasnya, beliau juga perlu tegas dalam soal ketepatan masa terutama apabila menerima undangan persembahan.

Sejak penubuhannya, Orkestra Kulimpapa telah menerima pelbagai undangan persembahan termasuk Upacara Perhimpunan Agung sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam dan Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat serta Penduduk di negara ini sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, juga di Istana Nurul Iman semasa keberangkatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia serta Lawatan Rasmi Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.

Selain membuat persembahan di dalam negara, katanya, beliau bersama kumpulannya juga pernah dijemput untuk membuat persembahan di luar negara yang memberikan mereka pengalaman agak berbeza.

"Cabaran seperti logistik dan peralatan sering kami hadapi. Persiapan untuk ke luar negara juga lebih intensif dan kadangkala latihan dijalankan hingga ke lewat malam atau awal pagi bagi memastikan persembahan kami benar-benar mantap.

"Latihan perlu disesuaikan walaupun tempat latihan tidak disediakan. Jika tiada gendang, kami gunakan meja sebagai ganti. Jika tiada piano, kami akan gunakan aplikasi piano di telefon bimbit.

"Kami memanfaatkan teknologi yang ada untuk memastikan latihan tetap berjalan," katanya.

Beliau menambah bahawa matlamatnya adalah untuk memberikan persembahan terbaik dan pulang dengan mengharumkan nama negara serta membuktikan bahawa muzik tradisional juga mampu berdiri sama tinggi di pentas antarabangsa.

Dalam pada itu, Pengiran Mohammed Hazim Firdaus mengakui terdapat persepsi bahawa alat muzik tradisional sudah ketinggalan zaman.

"Justeru, kami berusaha membuktikan bahawa alat muzik tradisional bukanlah lapuk atau hanya sesuai untuk zaman dahulu.

"Apa yang kami lakukan ialah memperbaharui cara permainan alat muzik ini dan membuktikan bahawa ia juga sesuai

untuk memainkan lagu-lagu moden," katanya.

Beliau berkata, mereka telah mencuba pelbagai genre lagu termasuk dalam bahasa Melayu, Inggeris dan beberapa bahasa lain.

"Alhamdulillah, sambutan yang diterima sangat positif. Kami juga mula menggabungkan alat muzik moden bersama persembahan alat tradisional yang diterajui oleh alat muzik Gulintangan," katanya.

Menyedari potensi ini, Pengiran Mohammed Hazim Firdaus merancang untuk menubuhkan sebuah kelab muzik yang khusus menumpukan kepada muzik tradisional.

Inisiatif tersebut akan membuka peluang kepada pelajar sekolah menengah serta belia yang berminat untuk belajar dan mengenali alat muzik tradisional dengan lebih dekat.

"Saya akan berusaha sebaik mungkin untuk menarik lebih ramai generasi muda serta memberi mereka peluang menyumbang idea, tenaga dan bakat dalam usaha memelihara warisan budaya.

"Generasi inilah yang akan meneruskan legasi kita. Antara langkah yang akan diambil ialah penganjuran bengkel dan kelas khusus dalam usaha mendekatkan mereka dengan alat muzik tradisional.

"Saya ingin menunjukkan kepada mereka bahawa alat muzik tradisional seperti Gulintangan ini sebenarnya menyeronokkan untuk dimainkan dan bukan sesuatu yang ketinggalan zaman," katanya.

Beliau turut menyeru para belia yang berbakat dan berminat dalam bidang ini agar terus berusaha dan tidak malu untuk mencuba.

"Melakukan kesilapan itu perkara biasa dan teguran daripada yang lebih berpengalaman adalah sesuatu yang perlu kita terima. Kita perlu sentiasa merendah diri walaupun sudah mencapai kejayaan.

"Jangan biarkan ego menghalang kita daripada menerima teguran yang membina kerana di situlah ruang untuk kita terus berkembang dan berjaya," katanya.



PBB : DAPUR KOMUNITI GAZA HANYA HASILKAN SATU PERTIGA HIDANGAN BERBANDING 4 BULAN LALU

ISTANBUL, 19 Ogos. - Dapur komuniti di Gaza kini hanya mampu menghasilkan kira-kira satu pertiga daripada jumlah hidangan harian yang disediakan pada April lepas, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Jurucakap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Stephane Dujarric memaklumkan kepada pemberita bahawa rakan kongsi lapangan melaporkan lebih 80 dapur komuniti minggu lalu hanya mampu menyediakan sekitar 380,000 hidangan setiap hari.

"Pada April lepas, jumlah hidangan harian yang dihasilkan dapur komuniti melebihi sejuta

setiap hari," katanya.

Menurut Dujarric, Pejabat Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan PBB (OCHA) memberi amaran bahawa keadaan kini "melangkaui tahap malapetaka" dengan lebih banyak kematian direkodkan setiap hari akibat serangan Israel dan "kebuluran melampau".

"Kematian berkaitan kebuluran terus dilaporkan, termasuk dalam kalangan kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata Program Makanan Sedunia (WFP) memaklumkan pasukannya

melakukan segala usaha yang mungkin untuk mengagihkan makanan, namun bekalan "masih jauh di bawah paras yang sepatutnya". Dujarric menegaskan bahawa bagi mengelakkan kematian, petugas kemanusiaan "mesti dibenarkan mengagihkan makanan dalam skala besar dan secara konsisten melalui semua lintasan dan laluan yang ada".

Sambil mengalu-alukan pengumuman Israel yang menarik balik larangan lima bulan terhadap bekalan tempat perlindungan, Dujarric melahirkan kebimbangan

bahawa langkah itu dikaitkan dengan rancangan Israel untuk menduduki Gaza.

Menurut beliau, langkah itu boleh mengusir ribuan lagi penduduk ke kawasan selatan yang sesak dan "hampir tiada infrastruktur serta perkhidmatan asas". PBB menegaskan ia "tidak akan terlibat dalam sebarang pemindahan paksa penduduk".

Israel telah membunuh lebih 62,000 rakyat Palestin di Gaza sejak Oktober 2023. Kempen ketenteraan itu memusnahkan wilayah berkenaan yang kini

berdepan kebuluran.

Pada November lepas, Mahkamah Jenayah Antarabangsa mengeluarkan waran tangkap terhadap Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu dan bekas Menteri Pertahanannya Yoav Gallant atas tuduhan jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan di Gaza.

Israel juga berdepan perbicaraan kes genosid di Mahkamah Keadilan Antarabangsa berhubung serangannya ke atas wilayah itu. - ©BERNAMA

China lanjut siasatan anti-subsidi terhadap produk tenusu EU sehingga 2026

BEIJING, 19 Ogos. - China melanjutkan siasatan anti-subsidi terhadap produk tenusu Kesatuan Eropah (EU) berikutan kerumitan kes itu, menurut Kementerian Perdagangan pada Isnin, lapor agensi berita Jerman dpa.

Kajian semula yang sepatutnya tamat minggu ini kini akan diteruskan sehingga 21 Februari 2026. Produk yang disiasat termasuk beberapa jenis keju, segar dan yang telah diproses.

Siasatan itu dilancarkan pada Ogos 2024 dan dilihat secara meluas sebagai tindak balas terhadap tarif punitif EU ke atas kenderaan elektrik buatan China.

Ini bukan satu-satunya langkah

balas Beijing dalam pertikaian perdagangan itu, eksport arak brandi dan daging babi dari EU turut menjadi sasaran siasatan China.

Beijing mendakwa Brussels melanggar peraturan perdagangan antarabangsa dengan mengenakan duti tambahan ke atas kenderaan

elektrik.

Suruhanjaya Eropah pula menegaskan tarif terbabit wajar dikenakan kerana apa yang dianggapnya sebagai subsidi berlebihan kepada pengeluar China. China menolak dakwaan itu dan mengecam langkah EU sebagai bersifat perlindungan. - ©BERNAMA

Presiden Suruhanjaya Eropah tegaskan jaminan keselamatan kukuh penting untuk Ukraine, EU

GENEVA, 18 Ogos. - Presiden Suruhanjaya Eropah, Ursula von der Leyen pada Ahad berkata keamanan mesti dicapai melalui kekuatan, dengan jaminan keselamatan yang kukuh diperlukan untuk melindungi Ukraine dan kepentingan keselamatan Eropah, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Beliau berkata Ukraine mesti berupaya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayahnya, sambil menegaskan tidak seharusnya ada had ke atas angkatan tenteranya, termasuk kerjasama dengan atau bantuan daripada negara ketiga.

Von der Leyen menyambut baik kesediaan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump untuk menyumbang kepada jaminan keselamatan seumpama Perkara

Lima untuk Ukraine, sambil menyatakan bahawa EU bersedia memainkan peranannya.

Beliau turut mengesahkan blok itu sedang merangka pakej sekatan ke-19 terhadap Rusia yang dijangka pada awal September.

Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky, yang berucap di samping von der Leyen, berkata keselamatan Kyiv mestilah bersifat mengikat dan praktikal.

"Kami memerlukan keselamatan yang berfungsi secara praktikal, seperti Perkara Lima NATO, dan kami menganggap penyertaan EU sebagai sebahagian daripada jaminan keselamatan," katanya.

Beliau menyeru agar perpaduan dalam kalangan negara sekutu diteruskan, sambil menegaskan

bahawa Eropah mesti kekal bersatu padu seperti pada 2022 ketika perang bermula.

Presiden Zelensky berkata Rusia tidak menunjukkan sebarang tanda bersetuju untuk mengadakan rundingan tiga pihak dengan Kyiv dan Washington, dan memberi amaran sekatan baharu akan menyusul jika Moscow enggan terlibat.

Beliau merayu sokongan EU yang diperluas, termasuk dron dan bantuan untuk kanak-kanak Ukraine.

Pemimpin Ukraine itu juga berkata tidak seharusnya wujud perpecahan antara Ukraine dan Moldova, dan memberi amaran bahawa langkah sedemikian akan menandakan Eropah tidak bersatu dalam soal jaminan keselamatan. - ©BERNAMA

Lebih 40 hilang selepas bot terbalik di Nigeria

ISTANBUL, 18 Ogos. - Lebih 40 orang dilaporkan hilang selepas sebuah bot yang membawa sekurang-kurangnya 50 penumpang terbalik di negeri Sokoto, barat laut Nigeria, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik kenyataan agensi kecemasan negara itu pada Ahad.

"Kira-kira 10 orang berjaya diselamatkan, manakala lebih 40 lagi penumpang masih hilang," kata Agensi Pengurusan Kecemasan Negara (NEMA) dalam satu kenyataan.

Bot berkenaan dilaporkan dalam perjalanan menuju ke Pasar Goronyo sebelum terbalik.

Ketua Pengarah NEMA, Zubaida Umar berkata agensi itu melancarkan tindak balas segera sebaik menerima laporan awal mengenai kejadian.

Pejabat operasi NEMA di Sokoto dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan dan perkhidmatan kecemasan memperhebatkan usaha mencari dan menyelamatkan bagi mengesan penumpang yang masih hilang.

"Agensi ini memberi jaminan kepada orang ramai mengenai komitmen untuk menyelamatkan nyawa, menyediakan maklumat terkini tepat pada masanya serta menyelaras segala sokongan yang diperlukan bagi keluarga mangsa terlibat," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

7 maut dalam insiden tembakan di barat laut Ecuador

QUITO, Ecuador, 18 Ogos. - Tujuh orang maut dalam satu insiden tembakan di wilayah barat laut Ecuador, Santo Domingo de los Tsachilas pada pagi Ahad, lapor Xinhua memetik media tempatan.

Beberapa lelaki bersenjata berpakaian hitam tiba di sebuah dewan biliard pada awal pagi Ahad di Santo Domingo, ibu kota wilayah itu dan melepaskan tembakan ke arah orang ramai yang berada di situ, menurut laporan media.

Polis tempatan menutup lokasi kejadian selepas insiden itu. Siasatan awal menunjukkan mangsa yang maut, termasuk seorang pesara polis dan seorang ketua kumpulan penjenayah yang dikenali dengan gelaran "Rasta." - ©BERNAMA

Polis tahan lima lelaki, rampas ganja bernilai RM142,600

GEORGE TOWN, 18 Ogos. - Polis menumpaskan sindiket pengedaran dadah selepas menahan lima lelaki serta merampas ganja seberat kira-kira 46 kilogram yang dianggarkan bernilai RM142,600 dalam serbuan di sini, antara 10 malam Jumaat hingga 7 pagi Sabtu lepas.

Ketua Polis Pulau Pinang Datuk Azizee Ismail berkata serbuan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut itu menemukan dadah berkenaan yang disembunyikan di dalam dua buah rumah dan sebuah kereta.

"Kesemua suspek merupakan lelaki tempatan berusia 38 hingga

56 tahun, disyaki ahli sindiket pengedaran dadah yang ditahan di sebuah kediaman.

"Hasil pemeriksaan kemudian menemukan 30 dan 14 ketulan mampat tumbuhan kering disyaki dadah jenis ganja masing-masing dianggarkan seberat 29,948 gram dan 16,179 gram dalam dua kenderaan serta sebuah kenderaan jenis Toyota Alphard," katanya dalam kenyataan hari ini.

Selain dadah, beliau berkata pihaknya turut menyita dua kereta jenis Perodua Bezza dan Honda Accord bernilai RM47,000, menjadikan jumlah keseluruhan rampasan serta sitaan berjumlah RM189,600.

Azizee berkata risikan mendapati sindiket telah bergiat aktif sejak Februari lepas dan jumlah keseluruhan dadah yang dirampas boleh digunakan 92,000 orang.

Beliau berkata ujian air kencing mendapati empat daripada suspek positif dadah jenis Tetrahydrocannabinol (THC) manakala seorang lagi positif methamphetamine selain dua daripada mereka mempunyai rekod lampau berkaitan dadah.

Azizee berkata kesemua suspek direman selama tujuh hari hingga 22 Ogos ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. - ©BERNAMA

SEMAI KEGEMBIRAAN KEPADA KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Ogos. - Dalam usaha murni untuk menyemai kegembiraan serta memberi sokongan kepada kanak-kanak berkeperluan khas, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) baru-baru ini menganjurkan program komuniti 'Sukan Ceria Istimewa' yang berlangsung di cawangan SMARTER Brunei (SMARTER), Kampung Perpindahan Mata-Mata.

Program tersebut bertujuan menceriakan anak-anak istimewa melalui aktiviti fizikal yang menyeronokkan dan mesra, di samping menyokong perkembangan emosi, sosial dan motorik mereka.

Pendekatan inklusif ini turut menekankan kasih sayang, keseronokan serta penciptaan kenangan indah buat anak-anak di bawah jagaan SMARTER.

Seramai 15 sukarelawan yang berdaftar di bawah YSHHB berganding bahu menayakan pelbagai aktiviti sukaneka yang disesuaikan dengan kemampuan anak-anak SMARTER.

Antara objektif utama program berkenaan adalah untuk menceriakan kanak-kanak SMARTER melalui aktiviti sukaneka yang sesuai dengan kemampuan mereka, selain membina hubungan positif antara sukarelawan dan anak-anak istimewa melalui pendekatan mesra dan menyeronokkan.

Dalam masa yang sama, ia juga menyokong perkembangan emosi, sosial dan fizikal anak-anak SMARTER serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keperluan golongan istimewa dalam ruang sosial dan komuniti, di samping menggalakkan budaya kesukarelawanan dalam kalangan

PROGRAM komuniti 'Sukan Ceria Istimewa' yang berlangsung di cawangan SMARTER Brunei (SMARTER), Kampung Perpindahan Mata-Mata (kanan dan bawah).

belia yang aktif dan prihatin terhadap komuniti.

YSHHB terus komited dalam menyokong inisiatif yang meraihan potensi setiap insan, di samping menggalakkan penyertaan masyarakat dalam memperkasa budaya prihatin dan penyayang.

Program ini adalah sejajar dengan visi YSHHB untuk melahirkan generasi yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap keperluan masyarakat.

Dengan adanya inisiatif sebegini, diharapkan ia dapat memupuk semangat kesukarelawanan serta memperkukuhkan nilai-nilai murni dalam kalangan belia dan masyarakat umum.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Kejohanan Bola Keranjang Antara Sekolah PPE Aewon Ke-3 bermula 24 Ogos

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Bola Keranjang Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Ogos. - Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA) akan menganjurkan Kejohanan Bola Keranjang Antara Sekolah PPE Aewon Ke-3 bermula 24 Ogos hingga 7 September 2025.

Sehubungan itu, Pengarah Aewon Garment Sdn. Bhd., Jennifer Lau dan Pengurus Pembangunan Perniagaan

Aewon-Sherwood Protective Apparel, Ethan Lim, hari ini menyerahkan cek tajaan berjumlah BND7,000 kepada Presiden BBA, Goh Kiat Hing.

Dengan sokongan Jabatan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Kejohanan Bola Keranjang Antara Sekolah PPE Aewon telah menarik penyertaan lapan buah sekolah bagi Kategori

SESI penyerahan cek tajaan kepada Presiden Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA), Goh Kiat Hing.

Lelaki Bawah 18 Tahun, manakala enam buah sekolah akan menyertai bagi Kategori Perempuan Bawah 18 Tahun.

Sekolah-sekolah yang akan menyertai kejohanan tersebut bagi Kategori Lelaki Bawah 18 Tahun ialah Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB), Sekolah Saint Andrew's, Sekolah Saint George's, Chung Ching Middle School, Chung Hwa Middle School (Bandar Seri Begawan - BSB) dan Chung Hua Middle School (Kuala Belait).

Manakala sekolah - sekolah yang akan menyertai kejohanan tersebut bagi Kategori Perempuan Bawah 18 Tahun ialah ISB, Sekolah Antarabangsa Jerudong (Jerudong International School - JIS), Sekolah



Saint George's, Sekolah Saint Andrew's, Chung Hwa Middle School (BSB), dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

"Matlamat utama kami menganjurkan kejohanan antara sekolah-sekolah ini adalah untuk memberikan peluang kepada belia

kita memperoleh kemahiran hidup penting seperti komunikasi, ketekunan dan disiplin melalui pertandingan," kata Presiden BBA.

Semua perlawanan akan berlangsung di Gelanggang BBA, Batu Bersurat.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



4 ATLET NBD BERSAING DI 2ND ASEAN DEAF GAMES



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera negara kepada Pengiran Haji Norhalim bin Pengiran Haji Abd. Rahman, selaku Chef de Mission kontinjen Negara Brunei Darussalam ke 2nd ASEAN Deaf Games, Jakarta, Republik Indonesia (atas dan kanan).

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Isnin, 18 Ogos. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) terdiri daripada empat atlet dan enam pegawai telah berlepas ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menyertai 2nd ASEAN Deaf Games yang dijadualkan berlangsung bermula 20 hingga 26 Ogos 2025.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada kontinjen telah diadakan di Ruang Legar Pelepasan, Lapangan Terbang Antarabangsa

Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat untuk menyempurnakan penyerahan bendera negara ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad kepada Pengiran Haji Norhalim bin Pengiran Haji Abd. Rahman, selaku Chef de Mission kontinjen NBD ke 2nd ASEAN Deaf Games, Jakarta, Republik Indonesia.

Pada majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

turut memberikan ucapan dan kata-kata semangat kepada kontinjen negara termasuk menjaga nama baik negara semasa kejohanan tersebut berlangsung.

Pada kejohanan kali ini, NBD akan menyertai dua acara sukan termasuk olahraga dan tenpin bowling.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap

(Kesukanan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; Pegawai-pegawai Kanan KKBS; para ibu bapa dan penjaga.

Selain Chef de Mission dan atlet, kontinjen juga dibarisi oleh Ketua Urus Setia, Pegawai Urusetia (Jurubahasa), Jurulatih dan Kakitangan Perubatan.

Republik Indonesia menjadi tuan rumah bagi edisi kedua temasya sukan tersebut dengan mempertandingkan sebanyak enam acara sukan iaitu badminton, chess, futsal, olahraga, table tennis dan tenpin bowling yang akan berlangsung di sekitar Jakarta.

ASEAN Deaf Games ini dikhaskan untuk warga orang kurang pendengaran rantau ASEAN dan ini adalah program sukan yang kedua kalinya dianjurkan dan masih baharu di peringkat ASEAN.

Tingkatkan kesedaran mengenai PCOS



KUMPULAN OVAchievers semasa menyertai acara larian yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan OVAchievers

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Ogos. - Kumpulan OVAchievers telah menyertai acara larian yang berlangsung kelmarin di Stadium

Negara Hassanal Bolkiah bermula pukul 6.00 pagi bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai Sindrom Ovari Polistik

(Polycystic Ovarian Syndrome - PCOS).

Acara ini dianjurkan sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai PCOS, iaitu keadaan

kesihatan yang memberi kesan kepada ramai wanita di seluruh dunia, termasuk di Negara Brunei Darussalam.

Dalam acara tersebut, semua Ahli OVAchievers telah mengambil bahagian, dengan dua orang ahli menyertai Kategori Half Marathon sejauh 21 kilometer (km), manakala tiga orang lagi ahli menyertai Kategori 3km.

Sepanjang larian, Ahli OVAchievers turut mengenakan baju khas Kempen Kesedaran PCOS mereka, sebagai simbol solidariti dan usaha berterusan untuk menyuarakan kepentingan kesihatan wanita.

Salah seorang wakil daripada Kumpulan OVAchievers, Dayang Nurul Amirah Faezah binti Haji Mohamad Suffri mengongsikan bahawa semua wanita yang didiagnosis dengan PCOS tahu bahawa mereka tidak keseorangan dalam perjalanan ini. PCOS bukan penghalang untuk kita mencapai gaya hidup sihat dan penuh

keyakinan. Dengan kesedaran, sokongan dan pengetahuan yang betul, kita mampu mengawalnya - langkah demi langkah.

Penyertaan ini bukan sahaja mencerminkan semangat kesukanan tetapi juga tekad Kumpulan OVAchievers untuk terus meningkatkan kesedaran masyarakat tentang PCOS.

Kumpulan OVAchievers berharap penyertaan dalam Run For PCOS dapat memberi inspirasi kepada masyarakat untuk lebih memahami tentang PCOS, di samping menyokong wanita-wanita yang sedang melalui perjalanan kesihatan mereka.

Usaha ini juga sejajar dengan aspirasi untuk membina sebuah komuniti yang lebih prihatin, inklusif dan menyokong kesihatan wanita.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen kesedaran dan aktiviti yang akan datang, orang ramai boleh ikuti akaun Instagram @theovatruth.pcos.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSEDEKAH TIDAK MENGURANGKAN HARTA